



جامعة تكنولوجيا مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Johor  
Kampus Segamat

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA**

**ENCIK ABDUL AZIZ BIN YUSOF**

**PERSARA JURULATIH REKREASI LUAR**

**MENGENAI KISAH SEJARAH PEKAN JEMENTAH**

**MUHAMMAD AZUDIN BIN ZAINURIN**

**(2022779815)**

**ALIA EDWIENA BT ROSMAN**

**(2022991147)**

**SEMESTER MAC 2023 – JULAI 2023**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA**

**ENCIK ABDUL AZIZ BIN YUSOF**

**PERSARA JURULATIH REKREASI LUAR**

**MENGENAI KISAH SEJARAH PEKAN JEMENTAH**

**MUHAMMAD AZUDIN BIN ZAINURIN**

**(2022779815)**

**ALIA EDWIENA BT ROSMAN**

**(2022991147)**

**KOLEJ PENGAJIAN PERKOMPUTERAN, INFORMATIK DAN**

**MATEMATIK**

**SEMESTER MAC 2023 – JULAI 2023**

## ISI KANDUNGAN

	ISI KANDUNGAN	M/S
	<b>Abstrak</b> <b>Penghargaan</b> <b>Senarai Abreviasi</b>	i - x
<b>1.0</b>	<b>Profil Ringkas Penemuduga</b> 1.1 Penemuduga Pertama 1.2 Penemuduga Kedua	1 – 2
<b>2.0</b>	<b>Profil Orang yang Ditemuduga</b> 2.1 Biodata Responden 2.2 Pengenalan Kepada Responden	4 - 5
<b>3.0</b>	<b>Sejarah Lisan</b> 3.1 Pengenalan 3.2 Objektif Kajian Sejarah Lisan 3.3 Kepentingan Kajian Sejarah Lisan	7 - 8
<b>4.0</b>	<b>Kajian Literatur</b> 4.1 Konsep Sejarah Lisan 4.2 Topik 1: Ketekunan pengkaji dan pengkisah 4.3 Topik 2: Ketidak pastian akan sejarah Je 4.4 Topik3: Mengetahui Sejarah lalu dengan penuh terperinci 4.5 Topik 4: Sebagai pelengkap kepada informasi yang sedia ada 4.6 Topik 5: Memberi kesinambungan antara zaman	10 - 13

<b>5.0</b>	<b>Tanskrip Temuduga Bersama Responden</b>	15 – 88
<b>6.0</b>	<b>Log Temuduga</b>	90 - 99
<b>7.0</b>	<b>Indeks</b>	101 – 103
<b>8.0</b>	<b>Rujukan</b>	105
<b>9.0</b>	<b>Lampiran</b>  9.1 Surat, Mesej Relevan Bersama Responden 9.2 Borang Perjanjian 9.3 Soalan Temu Bual 9.4 Diari penyelidikan 9.5 Foto dan Sumber Rujukan Lain	107 - 122

**Transkrip Temubual Bersama dengan Encik Abdul Aziz Bin Yusof, Persara Jurulatih**

**Rekreasi Luar, Mengenai Pengalaman Beliau sebagai Ahli Politik.**

**Abstrak:** *Transkrip ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji berkaitan topik utama kajian iaitu Pembukaan Pekan Jementah dan temubual telah dijalankan terhadap seorang pengkaji dan pengumpul sejarah di kawasan Jementah. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui kisah sebenar bagi mengelakkan kekeliruan dan khabar angin yang tidak tepat akan tentang Pembukaan Pekan Jementah dan merungkai sejarah sebenar sebagai sumbangan kepada koleksi sejarah lisan. Kajian ini juga membincangkan dengan lebih mendalam tentang keunikan tempat Hulu Jeram, kisah rumah penghulu lama, sejarah atau kisah daripada masyarakat tempatan. Selain itu, transkrip ini juga dapat merungkai bagaimana tragedi pembukaan, perang, dan penempatan awal di Jementah. Kajian yang dilakukan ini memfokuskan kepada para penyelidik, pelajar serta orang awam. Dengan ini diharapkan, kajian yang dilakukan bersama responden yang merupakan pengkaji dan pengumpul barang sejarah ini dapat membantu dalam memberikan rujukan tepat tentang pembukaan Pekan Jementah.*

**Kata kunci:** *pekan jementah, rumah penghulu lama, penghulu, jeram, orkid, komunis, perang jementah, tok empang, rumah pasong.*

## **PENGHARGAAN**

Bismillahirrahmanirahim. Alhamdulillah

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan kehadrat Allah swt kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kami menyiapkan tugasan Sejarah Lisan ini dengan penuh jayanya. Dikesempatan ini saya ingin menghadiahkan ribuan terima kasih kepada Madam Azura Binti Kamaruzzaman, selaku Pensyarah bagi subjek IMR604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan kerana telah meletakkan sepenuh kepercayaan beliau kepada kami untuk menyempurnakan tugasan penting ini.

Ucapan penghargaan juga ingin kami berikan kepada para rakan seperjuangan kerana telah banyak menghulurkan bantuan mahupun kerjasama bagi merealisasikan usaha menyempurnakan tugasan ini dengan baik sekali. Selain itu, ucapan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan tugasan ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Segala bantuan yang telah dihulurkan teramat kami hargai. Biar jasa jadi kenangan.

Sekian, terima kasih.

## **SENARAI ABREVIASI**

SINGKATAN	MAKSUD
UiTM	Universiti Teknologi Mara
OKU	Orang Kurang Upaya

## **SENARAI SINGKATAN**

EA: ENCIK AZIZ

MA: MUHAMMAD AZUDIN

AE: ALIYA EDWINA

## RUJUKAN KATA

ANU	ITU, BUAT, URUSKAN DAN LAIN-LAIN
HAAH	YA
CAM MANA	MACAM MANA
JAP	KEJAP
LEPASTU	SELEPAS ITU
MACAM TULAH	MACAM ITULAH
TAKDA	TIADA
TU	ITU
TAK PUN	TIDAK PUN
TIAP	SETIAP
TAKDA DAH	TIDAK ADA
APE APE	APA-APA
MAU	MAHU
ITU JE LAH	ITU SAHAJALAH
DAH	SUDAH
KIT	SIKIT
TAK	TIDAK
AN	KAN
ORANG-ORANG	MEREKA
TIAP	SETIAP
AMBIK	AMBIL

LEPASTU	SELEPAS ITU
DUK	DUDUK

# **PROFIL RINGKAS**

# **PENEMUDUGA**

## **1.0 PROFIL RINGKAS PENEMUDUGA**

### **1.1 BIODATA PENEMUDUGA 1**



<b>Nama</b>	Muhammad Azudin Bin Zainurin
<b>Umur</b>	23
<b>Tarikh Lahir</b>	30 Oktober 2000
<b>Alamat</b>	No. 202, Jalan Abd. Rahman, Kg. Bukit Tunggal, 85200, Segamat, Johor.
<b>Email</b>	<a href="mailto:azudin2000@gmail.com">azudin2000@gmail.com</a>
<b>Program</b>	IM246 – Pengurusan Rekod
<b>Tempat Belajar</b>	UiTM Segamat, Johor

## 1.2 BIODATA PENEMUDUGA 2



<b>Nama</b>	Alia Edwiena Bt Rosman
<b>Umur</b>	22
<b>Tarikh Lahir</b>	21 September 2001
<b>Alamat</b>	No. 36, Jalan Saujana, Klang, Selangor
<b>Email</b>	edwienaaalia@gmail.com
<b>Program</b>	IM246 – Pengurusan Rekod
<b>Tempat Belajar</b>	UiTM Segamat, Johor

# **PROFIL RINGKAS**

# **ORANG YANG**

# **DITEMUDUGA**

## **2.0 BIODATA ORANG YANG DITEMUDUGA**

### **2.1 BIODATA RESPONDEN**



<b>Nama</b>	Encik Abdul Aziz Bin Yusof
<b>Umur</b>	64 Tahun
<b>Tempat tinggal</b>	No. 15, Taman Intan, Jementah, Johor
<b>No. Telefon</b>	010-7750623
<b>Pekerjaan</b>	Persara Juruteknik dan Jurulatih Rekreasi Luar
<b>Percapaian</b>	Malaysian Certificate of Education

## **2.2 PENGENALAN KEPADA RESPONDEN**

Encik Abdul Aziz Bin Yusof merupakan individu yang telah dipilih bagi membantu kajian ini. Beliau telah bersara dari pekerjaannya iaitu Juruteknik dan Jurulatih Rekreasi Luar. Beliau pernah menerima Malaysian Certificate of Education. Beliau juga gemar menyimpan barang-barang antik dan bersejarah di tempat kediamannya. Minat beliau adalah mengkaji dan mengumpul maklumat sejarah yang tidak diketahui serta minat terhadap kepelbagaian bunga orkid.

# **SEJARAH LISAN**

### **3.0 SEJARAH LISAN**

#### **3.1 PENGENALAN**

Kajian sejarah lisan adalah salah satu kajian yang dijalankan bagi merungkai dan menguasai informasi akan sesuatu maklumat, tragedy atau sejarah yang unik pada zaman dahulu. Kajian yang dijalankan bertujuan untuk menganalisis akan pembukaan awal Pekan Jementah di mana ramai orang mengetahui bahawa Jementah adalah salah satu lokasi yang mempunyai banyak sejarah yang tersembunyi. Jadi, kajian ini amatlah penting bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat melalui temu ramah bersama pengkisah yang mempunyai ilmu pengetahuan yang luas akan Sejarah pembukaan Pekan jementah. Justeru, segala maklumat yang akan diterima akan direkodkan untuk menjadi panduan pada generasi yang akan datang sebagai satu rujukan asas.

Selain itu, sejarah lisan ini juga merupakan satu kajian pengumpulan data dan maklumat yang bersejarah sama ada telah diketahui atau belum dirungkai. Data dan maklumat yang dikumpul untuk melakukan sejarah lisan dapat dicatat serta direkodkan dengan mudah dengan kemudahan teknologi yang disediakan pada masa kini. Sejarah lisan ini menarik kerana pencari maklumat dapat mencari maklumat yang sahih dan relevan sebagai rujukan. Dengan ini, pendidik dapat menimba ilmu pengetahuan daripada sejarah lisan agar dapat mengetahui lebih mendalam akan sejarah lokaliti tempatan yang telah difokuskan dalam pendokumentasian ini.

#### **3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN**

Objektif kajian ke atas Pekan Jementah dapat membawa hasil di mana segala maklumat yang diterima adalah asli berasal daripada sumber temu ramah oleh pengkisah. Antara objektif yang ditekankan dalam kajian ini adalah:

- a) Mengembalikan kisah sejarah lama yang terkubur.
- b) Mencapai keaslian maklumat serta kisah benar akan sesuatu sejarah.
- c) Masyarakat akan mendapat sumber sejarah yang tepat.
- d) Rahsia, peristiwa, dan sejarah tersembunyi dapat dirungkaikan

### **3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN**

Kajian sejarah lisan yang dijalankan keatas Pekan jementah dapat memberikan impak yang positif keatas penduduk di mana penduduk setempat yang menerima maklumat sejarah pelbagai versi akan mendapat sumber sejarah yang tepat berdasarkan kajian yang dijalankan. Selain itu, penduduk setempat dapat memnjenali tokoh-tokoh yang telah berkorban bagi membuka Pekan Jementah mereka. Di samping itu, masyarakat yang tinggal di Jementah juga akan mengetahui akan peristiwa sebenar yang berlaku di tanah yang mereka pijak sebagai tempat tinggal. Oleh itu, kajian yang dijalankan dapat memeberi kesedaran dan keaslian maklumat kepada penduduk Jementah agar mereka dapat menghargai jasa-jasa tokoh yang telah berjuang serta mengembangkan sejarah yang tepat kepada generasi yang akan datang.

Dengan adanya kajian yang dijalankan dapat membuka minda serta mata-mata masyarakat tempatan untuk dijadikan iktibar kepada mereka akan peristiwa, pengorbanan dan kisah-kisah nyata yang berlaku suatu Ketika dahulu.

# **KAJIAN LITERATUR**

## **4.0 KAJIAN LITERATUR**

### **4.1 Konsep Sejarah Lisan**

Sejarah lisan adalah kajian yang dijalankan bagi menyimpan data pada masa lalu walaupun tempoh dan peristiwa akan sesuatu perkara telah berlaku. Kajian ini wujud dalam berlakunya penemuan-penemuan baharu pada era teknologi moden yang bersesuaian dengan peristiwa-peristiwa yang semakin susah seperti politik, perniagaan, kewagan, sastera dan kehidupan yang maju. Bidang sejarah lisan telah diguna pakai oleh Herodotus dimana beliau menjalankan temuramah bersama individu bagi mendapat sejarah-sejarah penting ada masa lampau. Beliau digelar 'Bapa Sejarah' dalam bidang ini. Kemudian, ia disambung pakai oleh Thucydides yang mencatat daripada tentera-tentera yang terlibat dalam perang Pelopponesian (Siti Roudhah, 2012).

Justeru, sebagai pengkaji yang berwibawa konsep ini telah dilangsungkan sehingga kini bagi mengekalkan keaslian sejarah lokaliti yang berlaku di sesuatu tempat pada masa lampau. Kini bidang ini telah meluas ke pelosok dunia dan diamalkan oleh ramai pengkaji untuk mendapatkan maklumat sejarah yang relevan.

Segamat adalah salah satu lokaliti umum yang terdapat banyak sejarah lampau sehingga kini sedikit sebanyak belum lagi didokumentasikan. Di Segamat, terdapat beberapa daerah yang mempunyai sejarah lokaliti masing-masing. Bumi segamat merupakan bumi yang bertuah kerana kaya dengan buah-buahan dan salah satu buah yang terkenal di Segamat adalah buah durian. Terdapat banyak monumen buah durian di dalam bandar Segamat yang menunjukkan bahawa Segamat mempunyai kualiti buah durian yang bagus untuk penduduk. (Mohamad Norzaharuddin Kasimon. 2017). Tetapi ramai tidak mengetahui akan sejarah bumi bertuah tersebut.

### **4.2 Topik 1: Ketekunan pengkaji dan pengkisah**

Di dalam kalangan ahli sejarah banyak mendefinisikan akan maksud sejarah tersebut. Sejarah merupakan salah satu cabang ilmu yang menyiasat akan peristiwa, perkara dan persoalan manusia pada zaman dahulu. Orang yang menulis dan meniliti peristiwa-peristiwa sejarah yang berlaku pada zaman dahulu dikenali sebagai sejarahwan (N. F. Rahmi, 2020). Sejarahwan yang merekod akan sejarah terdahulu mempunyai latar belakang sebagai seorang profesional. Apabila melihat pula kepada kefahaman masyarakat setempat yang tidak mempunyai latar belakang sebagai

seorang profesional ia adalah bercanggah dengan pentakrifan oleh sejarahwan. Definisi serta fakta yang diberikan hanyalah bergantung kepada logic akal mereka tanpa mengkaji dengan lebih mendalam akan peristiwa-peristiwa sejarah tersebut.

Konsep tekun dalam kajian ini membantu pengkaji untuk berusaha dan rajin mengeluarkan data-data sejarah yang hampir terkubur dek zaman. Perkataan “tekun” berdasarkan kamus Dewan Bahasa dan Pustaka adalah rajin dan usaha. Sikap tekun adalah usaha yang dilakukan secara terus menerus oleh pengkaji bagi menggali semula sumber sejarah tempatan supaya ia hidup kembali. Maksud lawan bagi tekun adalah teledor. Dalam agama Islam tekun itu adalah istiqomah. Istiqomah berasal dari kata qawama yang bermaksud berdiri tegak lurus tidak menyeleweng ke kiri atau ke kanan dan tetap berjalan ke garisan lurus yang diyakini kebenaran (Zuhdi, M. H. 2017). Kita dapat melihat bahawa ketekunan sejarahwan tempatan dan memberi sumbangan besar kepada pengkaji bagi menyelesaikan kajian ini. Terutamanya topik ini membincangkan tentang pembukaan Pekan Jementah yang menjadi sejarah yang terkubur pada masa ini dan kajian tempatan keatas sejarahwan tempatan adalah cara bernes bagi merungkai keaslian sejarah tersebut.

#### **4.3 Topik 2: Ketidak pastian akan sejarah Jementah**

Kajian yang dijalankan amatlah penting bagi mengemukakan bukti dan maklumat kukuh akan sesuatu sejarah. Hasil dan daripada kajian ini boleh dijadikan sumber yang unik dan dipercayai. Segala khabar angin dan cerita sejarah daripada masyarakat setempat yang terpesong pembukaan jementah ini tidak akan menjadi mutlak selamanya apabila mempunyai sumber yang primer dan unik daripada hasil kajian ini. Hasil kajian yang dikutip datanya daripada Encik Abd Aziz Bin Yusof akan menjadi sumber yang bernes. Kenyataan daripada pengkisah akan segala penceritaan dan khabar angin yang dikemukakan masyarakat setempat adalah tidak benar dan seleweng oleh dirinya sendiri kerana masyarakat terlalu banyak mereka dan membahas perkara yang tidak pasti. Dengan adanya kajian ini, masyarakat akan kurang membuat tafsiran sendiri yang direka tentang sejarah Jementah. Hipotesisnya, semakin berkembang dunia yang berteknologi ini, semakin banyak maklumat palsu yang direka. Penyebaran maklumat palsu berkembang seiring dengan kemajuan

sains dan teknologi (Ramlie, M. A. 2023) Jadi kajian ini juga akan mengajar pengajar pengrujuk agar tidak menyebarkan informasi tentang yang tidak pasti tanpa sumber rujukan.

#### **4.4 Topik3: Mengetahui Sejarah lalu dengan penuh terperinci**

Menurut Nadzan (1979/1980) Kelebihan yang seterusnya mengetahui informasi-informasi mengenai peristiwa di masa lalu, yang ditulis secara general atau umum. Dengan adanya sejarah lisan, maka kisah-kisah yang tidak tercatat di masa lalu dapat direkod dan disimpan untuk generasi akan datang. Sejarah lisan memberikan sumbangan terhadap perbendaharaan sejarah nasional, serta menambah baik kandungan yang sedia ada lagi. Dengan adanya sejarah lisan, kita juga dapat mengkaji suatu peristiwa sejarah yang terjadi secara lebih mendalam. Dari beberapa pengkisah atau responden. Dengan adanya sejarah lisan dalam penulisan sejarah dapat kita simpulkan bahawa sejarah lisan merupakan salah satu unsur penting yang memberikan sumbangan dalam penulisan sejarah yang dilakukan, secara langsung ataupun tidak langsung.

#### **4.5 Topik 4: Sebagai pelengkap kepada informasi yang sedia ada**

Kebaikan seterusnya ialah melengkapi kekurangan data atau informasi yang belum dipaparkan kepada umum. Penelitian sejarah lisan yang dipadukan dengan sumber tertulis dianggap dapat melengkapi kekurangan sumber-sumber sejarah selama yang ada pada masa sekarang. Pada masa dahulu kesedaran untuk menyimpan atau merekod ,menyimpan catatan harian, menulis dokumen-dokumen yang lain atau menulis riwayat hidup adalah agak lemah. Di dalam hal ini Sejarah Lisan boleh memainkan peranan yang besar dalam memelihara dan menambahkan sumber-sumber yang ada untuk Sejarah Malaysia di abad ini.

#### **4.6 Topik 5: Memberi kesinambungan antara zaman**

Sejarah Lisan adalah unik kerana ia dapat menghubungkan zaman yang lalu dan zaman sekarang melalui rakaman pengalaman-pengalaman yang bersejarah. Pita rakaman dan transkrip sejarah lisan boleh menghidupkan cara mengajar di

sekolah-sekolah dan di institusi-institusi lain. Muzium misalnya memberikan gambaran tambahan kepada pelawat melalui pameran, bahan-bahan yang dipetik dari buku-buku dan filem-filem. Cara ini tidak dinafikan sebagai satu cara pengajaran yang berguna di dalam kelas.. Pita-pita rakaman wawancara dengan tokoh-tokoh tertentu yang pernah memainkan peranan yang penting di dalam masyarakat boleh memberi suatu gambaran yang berkesan untuk memahami masa yang lalu itu. Rakaman-rakaman ini boleh menggambarkan peristiwa bersejarah yang telah berlaku di samping ianya dapat menggambarkan aspek-aspek masyarakat yang berlaku pada zaman tersebut.

**TANSKRIP  
TEMUBUAL  
BERSAMA  
PENGKISAH**

## **5.0 TANSKRIPT TEMUDUGA BERSAMA RESPONDEN**

<b>MA</b>	<b>Muhamad Azudin</b>
<b>AE</b>	<b>Alia Edwina</b>
<b>EA</b>	<b>Encik Aziz</b>

### **PEMBUKAAN SESI TEMU BUAL**

**MA:** Okay [baik], assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatu dan salam sejahtera berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai sejarah dan pembukaan Jementah untuk didokumentasikan. Bersama-sama kami ialah Encik Abdul Aziz Bin Yusof yang sekarang menetap di Taman Intan, Jementah dan sekarang berusia 64 tahun?

EA: 64 tahun.

**MA:** 64 tahun. Okay [baik]. Merupakan pesara juruteknik dan jurulatih luar dan pernah menerima Malaysian Certificate of Education. Jadi temubual ini dikendali oleh saya Muhamad Azudin dan Alia Adrina. Dengan segala hormatnya temu bual ini dimulakan.

EA: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**MA:** Waalaikumussalam.

EA: Saya kenalkan diri sayalah semula. Saya Aziz bin Yusof, menetap di Jementah bermula daripada tahun 1982.

**MA:** 1982.

EA: Masa itu petugas di jawatan kerja raya.

**MA:** Ehem. (berdehem)

EA: Dan bahagian jalan dan juga bahagian air. Serta mengawasi beberapa kawasan cashment area ataupun kawasan tanah air dalam Daerah Segamat inilah. Termasuklah Gunung Ledang ada empat bahagian bukit tulah satu bahagian. Jadi dalam soal selidik ini kita nak-- buka cerita tentang sejarah Pekan Jementah. Jadi sebelum kita kepada Pekan Jementah, kita ceritakan tentang asal usul permukaan Jementah.

**MA: Ha'ah, ye. Pembukaan Jementah.**

EA: Jadi Jementah ni dibuka ataupun dibuat dinamakan bermula lebih kurang tahun 19. Tahun 1644, eh 1640. Ha tahun 1640 berdasarkan daripada satu bahanlah, bahan masa dulu apabila buat je kampung dia orang buat padi. Jadi untuk menyekat padi tadi dia buat gantang. Gantang itu daripada kayu. Kayu itu diambil kira umur dia lebih kurang dalam 380 tahun, daripada umur itulah kita jangkakan terjadinya Jementah. Jementah itu dibuka ataupun di- dibuat oleh ketuanya. Dia panggil tok Pawang Setot.

**MA: Tok Pawang Sentut.**

EA: Setot, Setot. S-E-T-O-T.

**MA: Setot.**

EA: Jadi Tok Bawang Setot isterinya nama Tok Andah.

**MA: Tok Andah.**

EA: Jadi masa Tok Setot ni dia berasal daripada Negeri Sembilan. Dia daripada apa ni daripada Aceh, Sumatera dan mula sampai ke Negeri Sembilan lepas itu Jementah ini sebelum tu beberapa tokoh-tokoh tak dapat bina, buat Jementah tak jadi. Ada

masalah tertentunya. jadi Tok Setot ini cuba dan dia turun di DUN Sungai Jementah dan dia mudik sampai ke Sungai Penarah.

**MA: Sungai Penarah**

EA: Sungai Penara ni depan sikit dia buatlah apa kenapa buat rumah sementara pondok sementara nak buka kampung iaitu di-- kalau tengok sebelah kiri itu yang dia jual sawit, sawit.

**EA: Ada-ada**

EA: Area situ rumah dia. Pondok dia.

**MA: Duduk situ je.**

EA: Asal dialah. Lepas itu baru dia mula sikit. Nanti yang dekat Bukit Cermon.

**MA: Bukit Cermon.**

EA: Sebelum Bukit Cermon tu dia rumah dia lah. Itu dipanggil Kampung Jementah. Aa dekat situ dia mula nebas apa semua, dia tebas esok pokok-pokok tegak balik. Jadi bila kata pokok tu tegak balik, dia bermimpilah. Makna kalau nakkan jadi Jementah ni dia kena tukar ganti anak dia. Anak dia.

**MA: Tukar ganti anak dia.**

EA: Ha ganti anak dia. Lepas itu anak dia yang umur tiga tahun ke empat tahun, hilang dalam buaian dia balik.

**MA: Oh.**

EA: Ha itu. Jadi cara dia itu dia empang sungai itu, naikkan air, naikkan air. Bila pokok dah terbang, dia tak besok tak ada anu lagilah. dia dah empang badan dia lepas itu dia tutuplah dengan bahan-bahan supaya air **tak--** melimpahlah.

**MA: Ehem. (berdehem)**

EA: Jadi pokok itu tak tegak balik. Dan kawasan-kawasan yang dia empang ni sampai ke hulu jementah. Masih ada tiga tempat-tempat. Dia ada buat empangan badan dia. Itu untuk, sebelum itu nama Tok Setot bila lepas je dia empang je sungai baru orang panggil dia untuk Tok Empang.

**MA: Oh itu asalnya.**

EA: Asal cerita Tok Empang ni tadi. Jadi kampung dia, dia dekat dengan Bukit Jerwon, dia panggil Kampung Jementah. Yang dekat dengan Kuala Jementah tu, rumah lama nanti dia panggil lubuk besar. Kampung lubuk besar. Dalam-dalam pelan asal carilah ada Kampung Lubuk Besar situ. Kalau belah sana dia Kampung Jementah. Pada kampung Jementah tu dah dijadikan mukim Jementah. Kampung Mukim Jementah lah. Kampung Mukim Jementah masa tu, sempadan ni anak air putih. Tangkak. Anak putih itu sempadan kawasan Tangkak ataupun Muar dengan Segamat. Dengan apa ni sampai sungai itu sampai ke Sungai Muar itu sempadan mana tin junjung apa ni dekat dengan apa ni seberang Gombak **itu--** semua kawasan kawasan Jementah lah. Sampai ke Batu Enam dekat dengan Kolej Komuniti.

**MA: Kolej Komuniti, ada-ada.**

EA: Situ sempadan Jementah dia ikut semua apa semualah. Asal dia jadi yang buka dia yang orang kata Tok Setot tadilah.

**MA: Yang digelar Tok Empang.**

EA: Tok Empang, nama kemudian nama Tok Empang. Itu keluarga dia macam Atok Maksah, Maksah perang tu.

**MA: Maksah peranglah.**

EA: Kenal Tok Maksah Perang?

**MA: Tak. (ketawa)**

EA: Yang depan rumah mat, mat jadi kenal?

**MA: Mat Jadi kenal.**

EA: Ha itu anak Tok Maksah lah.

**MA: Anak dia! (terkejut)**

EA: Jadi anak Tok Maksah, jadi, apa tu Maksah punye keturunan tu ada waris dengan Tok Empang.

**MA: Tengok Mat Jadi macam tu je. Rupanya keturunan dia-- ouh faham. (Merungkai keturunan Mat Jadi yang tinggal di Bukit Tunggal)**

EA: Mat jadi dengan Encik ni. Dia tu kira pangkat neneklah. Tok moyang.

**MA: Tok moyang.**

EA: Atok Maksah tu bapak dia tu dengan Tok moyang cik, sepupu.

**MA: Lah, (ketawa), dekat je. Takde jauh mana.**

EA: Macam tu Tok Bedil kasih tu.

**MA: Haa. (Mengiyakan jawapan responden)**

EA: Tok Bedil tu dengan Tok Moyang sepupu.

**MA: Lah. (ketawa)**

EA: Hahahah (Pengkisah ketawa)

**MA: Lalu, encik tinggal sini. (ketawa)**

EA: Pindah sini. Nanti dia terlibat dengan kampung ni. Kampung Jementah asal. Lepastu nak masuk nombor dua tak?

**MA: Masuk nombor dua, kisah disebalik nama Jementah. Rasanya dah ceritakan tadi kisah-kisah silam yang membuatkan tempat ini dinamakan Jementah.**

EA: Itu yang menyebabkan nama asal Jementah ni an. Kalau kita tengok banyak versi-versi yang timbul. Ada yang dikatakan entah-entah jadi, entah tidak.

**MA: Haah. (Mengiyakan jawapan responden)**

EA: Itu salah satu. Jadi harini terbang, esok tumbuh entah jadi entah tidak kata dia. Yang kedua yang kita tengok sampai sekarang masih berlaku, masak nasi, dia lantah

**MA: Lantah?**

EA: Dia lantah jadi jementah. Jementah tu tengok-tengok jementah, kerja mentah je. Nasi tu mentah lah.

**MA: Haah. (Mengiyakan jawapan responden)**

EA: Jadi dia masak je mentah je. Sampai sekarang kaluar kerja kahwin, kaluar kita tengok orang masak nasi putih, dia mentah.

**MA: Mentah!**

EA: Ha, masih berlaku lagi yang tu.

**MA: Apalah masalah orang kerja kahwin masak nasi mentah. (ketawa)**

EA: Banyak-banyak berlaku lah. Tu salah satu daripada punya kisah-kisah dialah. Kan?

**MA: Haah. (Mengiyakan jawapan responden)**

EA: Lagi satu yang nama jementah tulah. Asal-asal, asal usul nama tadilah, yang bagi nama ni nak letak sama-- ini atas buah mulut oranglah

**MA: Orang? Orang ramai.**

EA: Kan? orang ramai ni dah biasa sebut tu jadi dia- tu terus dianamakan Jementah. Je mentah je nasi ni je mentah je ha kan.

**MA: Asik-asik mentah je, last-last jadi nama tempat Jementah.**

EA: Entah-entah jadi.

**MA: Tu yang dekat belakang nama Jementah ada mentah.**

EA: Yang kata tokoh-tokoh pengaruh dalam perang jementah ni sepatunya dia boleh buat kemudian tapi kita sekalian erh?

**MA. Iya.**

EA: Jadi tokoh-tokoh yang dulu, yang terlibat dalam perang Jementah iaitu Tengku Daud. Tengku Daud ni abang kepada Tengku Busu lepastu Tengku Daud ni dijaga sebagai pembayar cukai, pembayar gaji, elauan di pekan kota. Nama sebenar dia bukan Tengku Daud, dekat sini dia tukar nama Tengku Daud. Yang kedua, Tengku Qayum.

**MA: Tengku Qayum.**

EA: Itu adik kepada Tengku Daud

**MA: Tengku Busu?**

EA: Abang kepada Tengku Busu.

**MA: Abang, oh. Okay.**

EA: Tengku Qayum ni dia-- nama sini Kayu. Kayu nama dia.

**MA: Kayu nama dia.**

EA: Nama macam orang Asli lah nama Kayu. Itu dia Tengku Qayum. Di adik dia Tengku Busu. Dia nama dia asal Tengku Gading, Tengku Gading. Di istana Johor Bahru Namanya Gading. Macam Tengku Kayu, Kayu yang tadi namanya Qayum, Tengku Qayum. Jadi makam di anj仔 rasa berada di Pengakalan Kota, kedua-dua ni. Dia mangkat dihantar sana.

**MA: Dia mangkat, dia terus hantar sana?**

EA: Sana abang dia sana Tengku Daud, sana dia Tengku Hussein. Tengku Hussein kat Pengkalan Kota dipanggil Daud. Dia Tengku Daud. Ha tu. Yang itu. Jadi dalam perang Jementah tadi, kenapa berlakunya perang saudara? Perang jementah ni melibatkan orang melayu ni ada tiga. Pertama perang-perang cukai.

**MA: Cukai?**

EA: Cukai yang tadi bawah kerajaan British di Muar. Muar tu di apa di takbir oleh British. Jadi dia nak kan orang melayu bayar cukai. Jadi dia mencari lah orang masuk bayar cukai dengan bawa anjing apa semua sampai dia dibunuh di Bukit Rokan. Felda Bukit Rokan. Jadi sampai sana dia kena bunuh. Daripada ekoran tu, baru katakan nak

perang Jementah. Dia perang saudara Jementah. Bila kata nak perang itu tadi. Orang Jementah ini dibantu oleh seluruh panglima-panglima daripada Pahang, daripada Negeri Sembilan, daripada Johor datang membantu Jementah.

**MA: Ada Mat Kilau tak?**

EA: Termasuklah Mat Kilau, Tok Bahaman, Tok Janggut, eh, Tok, ah Tok Janggut, Tok Gajah. Itu terlibat yang terlibat dalam perang Jementah.

**MA: Oh. (memahami jawapan responden)**

EA: Perang Jementah Pertama. Pasal situ dia *camping* [berkhemah] untuk apa ni tanak British menakluk

**MA: Menakluki.**

EA: Perasan tak? kesan ekoran cukai kan, jadi dibantu tu. Lepastu dibantu oleh kalua sebelah Segamat, Tok Pasak, Tok Lati. Itu panglima-panglima dialah. Tu semua panglima daripada Riau dulu. Panglima Bugis.

**MA: Lamanya.**

EA: Panglima Bugis datang sini, bila kata perang Jementah tadi *camping* [berkhemah] kan tu dia membantu orang Jementah lah. Termasuklah Tok Tenang, kan Bekok, banyak tempat daripada ni. Macam apa ni Raja Rambut Panjang, Raja Rambut Panjang tu kalau sini raja dia panggil Panglima Hitam, Panglia Layut. Panglima Muda Salen. Itu orang yang terlibat dalam peperangan Jementah. Imam besar Jementah ini dulu Imam Besar Haji Mohamad. Itu daripada Pogoh, dia duk di Bukit Tunggal.

**MA: Bukit Tunggal!**

EA: Ya. Bukit Tunggal dulu bukan yang sekarang ni.

**MA: Oh. (memahami jawapan responden)**

EA: Bukit Tunggal dulu Kawasan tanam padi lah. Dia **yang--**, yang buat suat padi tu tadi. Dia panggil gantang kayu.

**MA: Gantang kayu.**

EA: Gantang kayu utu dia buat oleh Tuan Haji Mohamad. Imam besar Pogoh.

**MA: Dialah yang uruskan sawah padi dekat bahagian Bukit Tunggal tu?**

EA: Dia menyukat.

**MA: Menyukat erh.**

EA: Haah, masa tu bawah anu apa Tok Empang lah kepala dia.

**MA: Oh. (memahami jawapan responden)**

EA: Seluruh Jementah ni sampai Hulu Jementah Tok Empang yang *anu* [uruskan] kan. Bukak *anu* [uruskan] sawah padi sampai ke Jeram, tempat budak mandi tu. Belah kanan tu sawah padi.

**MA: Sawah padi erh belah kanan. Oh tu yang lapang tu.**

EA: Haah, sekarang pokok durian. Bawah tu kan, dah besar dah. Sebelum tu semua sawah padi. Loji air belum ada pun dah sawah padi semua tu.

**MA: Ia sawah padi daripada Jeram tu sampai mana besarnya?**

EA: Daripada Jeram yang orang bele tu tak jauh.

**MA: Tak jauh.**

EA: Daripada tu sampai lah ke apa tu sampai ke Bukit Tunggal.

**MA: Bukit Tunggal. UiTM masuk sekali ke?**

EA: Tu UiTM takde.

**MA: Takde.**

EA: UiTM takde rase. Ha sebelah sana, (UiTM) situ dorang cuba cari emas tu.

**MA: Oh cari emas.**

EA: Haah cari emas. Mengahala ke apa seberang- menghala ke Batu Lima tu pun dah ada sawah padi, Kuala Jementah lah. Ha tu ada tanam padi dulu. Dia panggil Pulau Kekabu, Kampung Pulau Kabu tu. Ha situ. Jadi panglima yang terlibat. Nah Panglima Sencu, kepala yang memerintah angatan di Jementah lah. Lepastu Bentara Dalam.

Panglima Muda Salen, Panglima Hitam. Panglima Hitam ni, apa anि keturunan raja Negeri Sembilan. Panglima Kanen. Kanen ni dia bukan panglima tapi dia ni kira edi kong Tengku Busu. Panglima Layut, Panglima Lamit takde sini. Ha ni ada Panglima Imam Kahar. Imam Kahar ni dia sebagai imam tapi dia yang jadi Penghulu. Dia dulu kira macam sarjan lah di bukit apa- Tebing Tinggi.

**MA: Terbing tinggi, sarjan.**

EA: Ha rasa die sarjan dia sarjan polis.

**MA: Sarjan polis.**

EA: Ha dia polis

**MA: Oh. (memahami jawapan responden)**

EA: Dia sama dengan Sarjan Bujang. Masa tadi, bila Bujang tadi dia pindah ke Bekok. Jadi bukak balai polis sana. Dia tadi duk di Jementah.

**MA: Oh. (memahami jawapan responden)**

EA: Ha gitu.

**EA: Sebabtu dekat Tebing Tinggi ada balai polis kecik tu.**

EA: Ha tu umah pasong [balai polis] dia panggil.

**MA: Rumah pasong, [balai pasong] kat situlah kerjanya.**

EA: Yang kat rumah Haji Hassan tu. (rumah Haji Hassan yang terletak di Tebing Tinggi)

**MA: Ha'ah. (Mengiyakan jawapan responden)**

EA: Atas tulah atas rumah dia tu yang ada anu—(tapak bekas rumah pasong) Sebabtu dekat rumah pasong Tebing Tinggi lepastu. Tebing tinggi nak naik ke rumah pasong [balai polis] tu, naik bukit an?

**MA: Ha'ah. (Mengiyakan jawapan responden)**

EA: Ha tu panggil terbing tu tinggi. Asal Tebing Tinggi tu tadi.

**MA: Oh. (memahami jawapan responden)**

EA: Lepastu panglima tulah Panglima Imam Sabidi. Ha tu pun terlibat dia daripada Gelang Cincin. Ha tu, **yang**-- anu ni Yaakon anak kepada Tengku Busu. Jadi kisah dia panglima-panglima yang terlibat tadi itulah yang terlibat. Yang sampai sekarang, kalau kita tengok, sebagai rujukan dia tula panglima ap an Penghulu Kahar.

**MA: Penghulu Kalar (tersasul) Kahar.**

EA: Penghulu Kahar, dia penghulu bila kata dah semua dia jadi-- tadi sssee- ap an. Apabila perang pertama tu tadi dia- Johor yang anggapkan pasal banyak yang mati sedara tengok noni lah. Dia pasal dia ketuai oleh Wak Gajong. Wak Gajong tu mati di Penarah tadi. Di Penarah, Kuala Penarah tahu?

**MA: Ehem. (berdehem)**

EA: Bila Wak Gajong mati. Ni, kerajaan Johor Tarik diri dulu. Buatkan rumah pasong [balai polis]. Macam mana nak buat baik dengan orang Jementah? Pasal Jementah ni ibaratkan orang yang keturunan sama dengan dia sana kan.

**MA: Oh sebabtu lah susah nak jadi tu.**

EA: Sedara!

**MA: Ha sedara. (ketawa).**

EA: Jadi orang tu buatkan tu buatkan rumah pasong. [balai polis] Rumah pasong—[balai polis] ha ap anii-- rumah Temenggong.

**MA: Rumah Temenggong.**

EA: Temenggong yang duduk di hulu, dia panggil Kampung Terberau di Hulu Siket, Jambatan Jejah. Situ ada Kampung Terberau. Kampung terberau tu tempat *last* [akhir] rumah Temenggong Muar mentadbir Segamat lah.

**MA: Ehem. (berdehem)**

EA: Jadi pada tu, barulah Temenggong ke Pengkalan Kota. Dah ada rumah pasong [balai polis] tu, barulah dia bile roboh rumah pasong Tebing Tinggi tu tadi, sebelum perang, **ha bile--** kata perang Jementah yang kedua, yang panggil Perang Kubu Dedap tu tadi. Barulah Panglima Sentu nak bunuh diri (tersasul) nak mintak bantuan daripada Sarjan Bujang Ali Beko. Kati itu baru di kene tangkap

**MA: Untuk perang kedua?**

EA: Yang kedua. Dan bila perang kedua tu Panglima Sentu dah kene tangkap, yang lain semua ikut menyerah diri lah.

**MA: Termasuk dia punya anak-anak buah sekali?**

EA: Termasuk panglima-panglima lain, yang **lari-lari**

**MA: Yang lari-lari**

EA: Yang lari, lari. Urm Zabidi lari, ape, yang mana kene tangkap tu pun di Johor dia buat bagi pengampunan lah supaya buat berkelakuan baik ke apa semua camtulah.

**MA: Oh, jadi panglima tu semua terlepas lah lepas pengampunan itu?**

EA: Ada yang kekal duduk di Johor Bahru, macam Panglima Sentu dia kena-- ilmu-ilmu dia, dia kena ajar pada Sultan Ibrahim.

**MA: Oh. (memahami jawapan responden)**

EA: Tu salah satu ilmu dia yang kalua tengok dalam sejarah Sultan Ibrahim ni tadi, boleh gegar jambatan. Keretapi kan dia gegar, dia pijaknya bergegar.

**MA: Faham-faham.**

EA: Ha tu salah satu daripada ilmu-ilmu dia. Majoriti ilmu Jementah ni, untuk sultan Johor ni, boleh kata adalah, sapa, Panglima Sentu, kalau yang pada anu (merujuk kepada sultan) Sultan Iskandar ni. Dia panggil sini bawa, apa ni- yang duduk di batu Sungai Siput. Dia macam mana ilmu nak jinakkan binatang. 'Awakkanda'. (nama samaran ilmu untuk jinakkan binatang) Awakkanda tapi nama sebenar tak tahu lagilah nama dia.

**MA: Wakkanda.**

EA: Awakkanda.

**MA: Awakkanda.**

EA: Dia adalah anak dia ada anak angkat dialah. Dia boleh, nak jinak ni dia boleh panggil letak atas tangan terbang. Orang Jementah sana perantau. Dia nak kesana masa dia nak. Jadi **dia**-- kata letak ayam, tapi lepastu dia naik atas. Dia panggil panggil ayam tu naik atas tidak.

**MA: Sebab dia ada ilmu penjinak.**

EA: Ada ilmu penjinak.

**MA: Dasyat erh orang dulu-dulu.**

EA: Ilmu kacang kuda pun ada. Ha tu Sultan Iskandar, sultan yang ada kebolehan dalam boleh kata kan dalam tu dalam Malaysia lah. Dan sultan maksudnya (tersasul) kat tanah melayu ni Sultan Iskandar lah. Yang ada kebolehan dalam ni, al-Quran apa semua dia hafal.

**MA: Kira kuatlah sultan kita ni.**

EA: Ha dia Daulat orang panggil kan.

**MA: Ehem. (berdehem)**

EA: Ha tu jadi, kalau sekarang yang kita rujuk untuk Perang Jementah tulah macam panglima tok apa ni, (tersasul) Penghulu Kahar, Penghulu Mata, Penghulu Meng, Penghulu Puntung, Penghulu Sahib. Selepas pada tu takde. Sebab takde rujuk pada penghulu. Macam penghulu mata tu pernah duduk di rumah penghulu dekat--

**MA: Rumah Penghulu Lama.**

EA: Penghulu lama tu.

**Catatan:** Celahan berlaku daripada Alia Edwina untuk bertanyakan soalan mengenai siapa yang duduk di rumah itu adakah warisnya atau bukan.

EA: Awalnya dia jadi penghulu. Mana daripada penghulu, Penghulu Kahar dia rumah sendiri. Dia tak duk situ rumah dia belakang.

**MA: Ha yelah belakang kan.**

EA: Belakang, belakang dekat dengan kampung Pematang Panjang lah. Ada kampung, ada, ada gambar rumah lama dia. Nanti saya hantar kat dalam erh.

**AE: Takpa-takpa nanti send [beri] kat dia.**

EA: Ha dia, dia rumah dia situ. Jadi dia Rumah Penghulu tu yang duduk daripada Penghulu Mata. Dia dah tak, tak jadi penghulu masatu dia masih ada lagi lah.

**MA: Ehem. (berdehem)**

EA: Jadi penghulu dia panggil Penghulu Mata duk situ. Yang Penghulu Mata tu, ramailah yang siapa dia kata Penghulu Meng naik tu baru dia pindah di Bukit Tunggal. Bukit Tunggal masa masatu belum ada kampung macam nilah. Dia Cuma kampung mengeliling lah.

**MA: Oh. (memahami jawapan responden)**

EA: Tu nama Kampung Bukti Satu. Kalua dulu dia panggil Kampung Bukit Satu.

**MA: Bukit Satu.**

EA: Bukan Bukit Tunggal. Bila dia kata dah ada apa ni blok tu baru panggil kampung Bukit Tunggal. Ha tu yang jadi. Penghulu Mata, Penghulu Puntung. Penghulu Puntung pernah ditangkap dengan Komunis. Dia pernah kena tangkap. Jurutera dia masa tu Penghulu Sahib. Tok Sahib bin Abdul. Bila kata Penghulu Puntung anu marin, (telah ditangkap) Penghulu Sahib lah jadi, jadi apa ni penghulu. Dan, dan masatu dah kira macam kita ni Penghulu Sahib dah Penghulu Lahaman lah. Jadi masa tu baru kita buat rujukan. Orang-orang kampung apa semua, wakil-wakil rakyat rujuk kepada kisah-kisah Jementah ni lah. Daripada tu penghulu-penghulu orang tua-tua yang terlibat sini ramai dulu. Cikgu Jamil, kalau ada Cikgu Kaslan, Cikgu Kaslan keturunan Senin punya keluarga lah. Senin, dekat-dekat rumah anu tu apa Warisan Senin.

**MA: Warisan Senin.**

EA: Jadi anak dia Cikgu Kaslan ada buat rujukan masa dia belajar apa semua. Cik ap ani, Cikgu Abu Hassan. Ha tu guru-guru orang **yang--** tahu hal-hal Jementah.

**MA: Oh. (memahami jawapan responden)**

EA: Jadi dia cikgu, jadi dia banyak cerita pada anak murid apa semua. Macam--

**AE: Kira, kiranya dorang, dorang ada lagi lah ni?**

EA: Yang ada, yang ada Cikgu Kaslan ada.

**AE Oh yang ada lagi.**

EA: Tapi dia dah tak takde, (tersasul) tak daya lah dah uzur. Lebih kuranglah

**MA: Oh. (memahami jawapan responden)**

EA: Macam Cikgu Jamil dah takde. Cikgu, banyak cikgu dah takde lah yang boleh kita yang zaman sekolah tu dulu, cikgu-cikgu nil yang tukang cerita bab-bab Perang Jementah semua. Hal-hal Jementah ni. Ha tu, banyakkan cikgu. Cikgu-cikgu luar yang ada macam Cikgu Yahya. Ha tu duk Segamat lah. Ramai yang anu tu, tu orang yang pernah kerja di di bukak Sekolah Jementah dulu di Batu 13. Tu sekolah yang pertama buat. Tahun- dalam tahun 32 gitulah.

**MA: Sekolah Jementah yang pertama! Di Jementah.**

EA: Ha'ah. (**Mengiyakan jawapan Muhamad Azudin**)

**MA: Batu 13.**

EA: Batu 13 tu. Tu sekolah Batu 13 dulu. Selepas daripada situ, baru bukak sekolah kat Pogoh, baru sekolah tempat-tempat lain.

**MA: Oh. (memahami jawapan responden)**

**AE: Yang kira sekolah yang kat tepi jalan sekolah lama (tersasul) baru lagi?**

EA: Ha ni dia barulah. Dulu rumah sekolah dulu atap ngemia (atap jerami)

**MA: Oh faham. (ketawa)**

EA: Rumah dulu. (ketawa)

**MA: Dia dah renovate [mengubahsuai] tu jadikan batu.**

EA: Macam rasa sebelum tu Komplek Penghulu, pertanian tu.

**MA: Ehem. (berdehem)**

EA: Dan tu pun tahun 50-an dah ada. Apabila tu semasa ekoran daripada Perang Jementah kan untuk, untuk merapatkan hubungan antara kerajaan, raja lah.

**MA: Ehem. (berdehem)**

EA: Dengan rakyat. Maka raja akan buat ni. Komplek Pertanian. Itu tahun 40-an dia dah ada dah. Lepastu rumah-rumah pasong yang dah ada. Kalau masjid tak. Masjid dulu kira separuhlah, kerajaan buat seprauh orang kampung buat. Masjid Jementah--

**Catatan:** Celahan berlaku daripada Alia Edwina untuk bertanyakan soalan tentang masjid sudah ada atau masih tiada.

EA: Ada tapi masjidnya di Lubuk Bandan.

**MA: Lubuk Bandan.**

EA: Kenapa (tersasul) dekat Lubuk Bandan tu ada satu tapak masjid sekarang. Tapaklah. Ha tu di-- bagi oleh satu kerani, Seliung. (kawasan bersebelahan bukit tunggal) Yang rumah besar rumah batu di Bukit Tunggal dalam tu. (rumah banglo yang terletak di dalam kebun, Jalan Rumah Batu)

**MA: Oh, tu ha ni.**

EA: Dia kerani situ.

**MA: So, [jadi] rumah batu tu orang yang duduk rumah tu orang kerani.**

EA: Ha dia kerani dulu, dia kerja dalam Seliung estet situ.

**MA: Oh. (memahami jawapan responden)**

EA: Dia bukan *manager* [pengurus] tapi kerani.

**AE: Kiranya tanah, tanah dialah?**

EA: Ha jadi tanah tu, dulu tanah bukan ada geran dulu kan. Dia nak buat masjid. Ha okay [baik], dia keluarkan modal. Sapa nama lupa dah. Ha nanti dia yang keluar modal tu masjid. Jadi orang pada sini semua pergi situ sembahyang.

**MA: Sembahyang.**

EA: Sembahyang di Lubuk Bandan naik, naik masatu dah ada lori dah. Tahun 30, 40-an tu masatu komunis dah ada. Kenderaan. Ha pergilah. Lepas pada roboh je Lubuk Bandan tadi baru buat di Paya Jakas. Paya Jakas tu-- rumah pasong [balai polis]. Yang Bukit Tunggal. (tersasul)

**MA: Ha (keliru)**

EA: Eh bukan. Yang Tebing Tinggi die pindahkan ke Paya Jakas. Daripada Paya Jakas tu tadi rumah pasong baru buat di bandar Jementah lah sekarang. Jementah ni tiga kali perubahan lah. Buat binanya pembinaan balai-balai polis tu tadi. Jadi yang Paya Jakas tadi balai polis dijadikan masjid. Masjid Paya Jakas.

**MA: Yang rumah pasong [balai polis] lama tu?**

**Catatan:** Celahan berlaku daripada Alia Edwina untuk bertanyakan soalan mengenai adakah masjid itu masjid baru atau tidak

EA: Oh yang ni. Ni baru. (menunjukkan jari kearah masjid di Paya Jakas)

**AE: Yang Masjid Jamak (tersasul) Masjid Jamek tu.**

EA: Ha tu baru. Tu tahun 82. Kita mula kerja tahun 82 lah. Ha tu. Saya dah ada sini. Saya masa tu duduk di Petronas tu. Tu kuartes.

**MA: Kuartes Petronas tu.**

EA: Kat Petronas tu dulu ada kuartes ap anि JKR. Technician semua duk situ lah

**MA: Kuartes--**

**AE: Oh dah pen (tersasul) kiranya tuan dah percen baru pindah sinilah?**

EA: Sini ah dah percen dah, sini masih kerja duk sini lagi lah.

**MA: Ouh (memahami jawapan responden)**

EA: Masa percen baru, baru empat tahun an. Tapi masa tu dah daripada JKR kita apa ni masuk SAJ. SAJ ni dah akhir ni dah di swasta kan lah. Ha tu. Jadi tu kang kite masuk cerita dia an. (akan menceritakan tentang pekerjaan pada akhir temuduga)

**MA: (ketawa)**

EA: (ketawa)

**MA: Sampai mana tadi? (mengingatkan nombor soalan)**

EA: Baru nombor, nombor ni. Nombor tiga tu. Siapakah tokoh tu tadi.

**AE: Yang terlibat tu.**

EA: Yang terlibat tu yang macam penghulu apa semua.

**AE: Lepas peperangan tu kan ramai tak orang macam meninggal ke apa semua kiranya kampung-kampung arh--**

EA: Meninggal daripada apa- banyak ni. Orang dulu kata takut kena tangkap, jadi dia pindah lari. Pergi kea pa ni Negeri Sembilan, pergi ke Akwat lagi apa kampung separuh. Yang Jementah ni kira **orang yang**-- kira dah pindah terus lah macam keturunan Tengku Busu. Itupun separuh duduk di Segamat. Yang mentadbir kan Pejabat Daerah kat polis, apa Majlis Daerah tu. Ha tu semua orang-orang Tengku Busu.

**MA: Oh (memahami jawapan responden)**

EA: Kebanyakkan keluarga dialah semua itu semua saudara

**MA: Saudara-mara.**

EA: Jadi dia macam Tengku Alam apa semua itu puak-puak sanalah Tengku Tanjung. macam orang yang Muar banyak juga datang ke mari **itu**-- pasal lepas pada perang Jementah rasa banyak jugalah. (ramai orang melayu) Orang Cina je kurang.

**AE: Kiranya masa perang itu ramai orang pindahlah kan?**

EA: Ada yang pindah

**AE: Kira *time* [masa] perang tu--**

EA: Ha pindah lari. Lari daripada Jementah.

**AE: Lepas itu dia dah tahu die pindah--**

EA: Datang balik. Ada yang datang balik.

**MA: Lari sebab takut kena tangkap?**

**AE: Kiranya takde la lari.**

EA: Takut ada kena tangkap apa semua. Jadi fasa yang kedua ni. Itu yang buka kebun. Kan lepas dia buka kebun. Apa betulkan sawah padi balik kan tanam padi. Itu kebanyakan Jementah ni yang sawah padi banyak orang Muar.

**MA: Oh (memahami jawapan responden)**

EA: Dulu bentuk padi dia seperti padi enam bulan, padi umer.

**AE: Tu yang padi kering kan?**

EA: Padi kering yang tu. Apabila nak jadikan tahun 60-an lah baru dia jadikan padi paya. Yang padi empat bulan itu daripada Muar kebanyakan daripada Kesang daripada Sungai Ramat daripada Tanjung Gading. Orang-orang itu pindah ke sini. Sebab itu orang situ kalau tengok yang buka Kampung Paya Pulai itu hundred percent orang daripada Tanjung Gading. Keturunan dia. Ha tu. Di Buloh Kasap. Ha tu pon orang daripada Tanjung Gading ha tu keluarga-keluarga dialah. Ha tu. Di Jementah ni pun campur. Sini tak banyak keluarga dia tapi yang banyak daripada Negeri Sembilan.

**MA: Negeri Sembilan.**

EA: Duduk di, di Sungai Siput tu banyak ada orang keluarga Negeri Sembilan dalam Batu 11. Ha tu dia yang campur buat padi. Negeri Sembilan tu orang Tanjung Gading ada tapi tak ramailah. Yang lain banyak menghala ke Segamat. Tu dalam pembangunan jementah lah.

**MA: Jadi Encik.**

EA: Ehem. (berdehem)

**MA: Maksudnya Perang Jementah ni berlaku dua kali lah?**

EA: Yang melibatkan orang jementah ni tiga kali. (perang di Jementah sebanyak tiga kali) Pertama perang kutip cukai.

**MA : Oh kutip cukai.**

EA: Pemerintah British dekat Muar nak kutip cukai. Mereka hendak orang melayu bayar cukai. Itu perang yang sama sepatutnyalah, tapi perang saudara ni perang utama yang tadi. Perang kubu dedap perang kedua. Perang utama tadi melibatkan Dato Mahraja Lela apa semua.

**MA : Yang Ketiga ?**

EA: Perang Kubu Dedap yang terlibat ada kubu lela, kubu dedap ada tujuh kubu yang terlibat.

**AE : Termasuk bukit siput ke ?**

EA: Sungai siput bukit siput Segamat. Pada lubuk Pandan tu ada satu kubu. Disungai Siput mesti ada satu kubu barulah kubu dedap, Kubu Tok Lela, Kubu Parit Panjang. Kubu parit tu, cuma dulu dalam sekarang dah paras lima kaki. Semalam saya ambil gambar ada dalam lima kaki lebih kurang, Tapi sempadan kebun orang jadi tak nampak sangat masih kekal la kubu dia jadi parit dalam.

**AE : Kubu tu masih ada lagi?**

EA: Ada kubu yang ini ada lagi.

**AE : Kubu yang dekat dedap tu sudah tiada.**

EA: Tiada sebab dia tambak bila tanah turun tu pokok dedap tiada habis la dia tanam semula. Tapi ni dia (kubu pasir panjang) sempadan tu mereka ada parit. Parit tu jadi kubu jadi kekal. Masih kekal jadi kubu tok lela. Tok lela ni Dato Maharaja lela yang bunuh birch (J.W.W Birch ). Bukan dialah Pitung yang bunuh. Bila dia nak hukum gantung malam tu Sultan Idris lepaskan dia. Sultan Idris suruh pindah daripada Perak. Masa dia nak pindah Perak. Pandak Alam (tok lela) bawa keluarga dia, kakak ipar dengan suami pindah. Selepas itu, jumpa dengan Dato Muhammad, Mat Kilau di Pahang. Bila dah berjumpa baru mereka bercadang untuk pergi ke Jementah masatu belum perang jementah lagi.

**AE : Oh jadi mereka semua berkumpul disini la.**

EA: Dato maharaja lela duduk di jementah dan empT orang tadi pindah la Jementah tak lama lepastu baru perang jementah ni.

**AE : Lepas mereka pindah trerus jadi perang ?**

EA: Tak lama. Jadi dia salah seorang daripada orang yang terlibat dengan perang Jementah membantu orang Jementah.

**AE: Kiranya mereka la orang yang terlibat dengan perang Jementah.**

EA: Jadi panglima-panglima yang terlibat dalam kes ni banyak. Orang yang kekal duduk sini dan jadi panglima pun ada.

**MA : Ramai?**

EA : Masih ramai lagi. Dulu jementah ni- ni kira masa awal pembukaan ye, lom pat--

**Catatan:** Celahan daripada Muhamad Azudin berlaku di mana dia hendak bertanya mengenai bagaimana keadaan pekan jementah ni pada awalnya.

EA: Kita ambik sebelum wujud Pekan Jementah ni apabila kerajaan Melaka wujud, dari perhubungan Melaka tadi nak pergi ke Muar lalu jalan laut atau sungai melalui Sungai Kesang, sebelum pentadbiran dia berpindah ke Kampung Hulu Melaka zaman Hang Tuah. Sebelum tu zaman Paramaswera atau zaman Hang Tuah pentadbirannya di Cincin Jasin berdekayan dengan Gunung Ledang kira seberang sanala sebab orang dulu nak senang nak mudah pentadiran dia nak tahu da naik Gunung Ledang tadi kat mana gunung boleh nampak. Jadi dia ikut contoh nak pergi \_\_\_\_\_ dia guna gunung cabang tiga ataupun gunung besar melalui Sungai Segamat, Jadi dia mudik Sungai Hulu Segamat terus jumpa Gunung Tenang (gunung cabang tiga). Turun daripada tu, dipanggil Ulu Endau. Sungai Ulu Endau, dari Ulu Endau bole la ke Endau, Tioman apa semua menghala ke Pahang dan Mersing.

**MA : Jadi Jementah ni lebih kepada laluan jalan perhubungan?**

EA: Kalau kita tengok laluan dia ikut Sungai Jementah. Sungai Jementah tu bukan dalam sungai jalan darat pun ada, jalan darat ni bawa kerbau, ayam hutan yang dah salai dah kering, binatang hutan semua tu laluan perahu atau darat sampai la ke Jeram. Situ dipanggil sekulit kira hujung ajementah la mana kalau orang nak pergi belah kiri dia belah kanan anak air batang parit lepastu situ panggil Kampung Mempisang kampung dulu lah kampung tu yang melibatkan orang pergi ke Asahan, Bukit Belubang.

**AE : Asahan tu jadi jalan dalam sekarang kan?**

EA : Sekarang Bukit Kledang tu dikira jalan baru.

**AE: Oh itu jalan baru ke?**

EA: Jalan baru la jalan besar, dulu Kampung Gemir, masuk dalam tu. Sebelum tu orang ikot Bukit Belubang ikut jalan tu. Katakan ini pemasang dulu naik Bukit Tinggi bawah dia ada lubang, gua jadi orang, masuk sini boleh keluar kemari la dekat Asahan Kampung Orang Asli tu situ tempatnya. Kalau kita duduk tengah-tengah ni kita dengan air terjun dari perlbagai arah sini takde sungai yang ada belah sini lubang kat situlah.

**MA: Air terjun tu masuk ikut lobang ?**

EA : Air terjun, tak ni lobang gua laluan melintasi pematang. Orang Jementah menghala ke Segamat untuk bermalam mereka akan bermalam di Kampung Sekulit. Rumah Tusbeh. Kita panggil Kampung Tusbeh. Tanam di Taman Gelugor depan sekolah ada Kampung Asli Silok. Tusbeh situ hantu godel situ kebanyakan. Orang dulu panggil situ rumah agam. Rumah persinggahan meneruskan perjalanan.

**MA : Orang dulu-dulu pegi mana ikut sungai.**

EA: Itu sebabnya kita tengok Sungai Muar ni majoritinya orang Pahang. Orang nak berdagang. Masatu muar ada perdagangan. Jadi orang daripada Raub semua dia turun contohnye singgah di Kuala Paya dah malam duduk la situ lama-lama buat Kampung Kuala paya sampai la ke Cherdan tapi Cherdan tak buat dia buat di gua Nyau di Kampung Jawi Tebing Tinggi dia duduk la situ. Lepastu sambung balik sampai ke Tekam sampai ke Muar, Gombang ke- tu banyaknya semua orang Pahang. Sebelah Pogoh orang lama Melayu asalnya kebanyakan orang Pahang.

**AE : Kiranya kebanyakan orang Melayu dekat Jementah daripada Pahang la?**

EA: Ye, yang kedua baru ada percampuran tu selepas perang Bila perang Majapahit ke perang Siam, dulu orang banyak Perang. Dari perang tu panggil kahwin campur la. Contohnya macam orang Minang ke Riau ke dia perang lepastu dia bantu sini jadi panglima lepastu kahwin dengan orang sini. Sebab tu asal kebanyakan orang Pahang yang berdagang ke Muar. Kawasan Muar ni banyak melibatkan pererangan.

**AE: Jalan Muar dengan sungai Muar tu sama ke ?**

EA: Lain, jalan Muar tu jalan la tapi Sungai Muar tu sungai yang ada dari Kuala Muar sampai ke Panchor masuk la semua Bukit Kepong. Galeri bukit Kepong tu semua masuk Sungai Muar sampai ke Buluh Masap tepi Sungai Muar. Bukit Kepong, Balai polis Bukit Kepong Buluh Kasap la yang dekat dengan pekan yang melibatkan Sungai Muar. Lepastu, menghala ke Pasir Besar dekat jambatan tu pun ada. Sebab dulu Sungai Muar tu banyak tenggelam air banjir kawasan dia. Pernah banjir dulu. Masuklah ke Sungai Muar ke potong jambu lapan sungai penarikan masuk ke Sungai Serting Mudik ke Teriang Sungai Pahang, Temerloh. Kalau dari palong tak tiba. Sungai Serting dia kena jalan kaki kena tempoh Sungai Rompin barulah sampai Rompin Endau dia potong ke sungai \_\_\_\_\_ ulu di Gunung Besar, Gunung Cabang Tiga. Jadi kebanyakan situ kita tengok orang Pahang orang dusun asal la. Macam kita orang Negeri Sembilan ni orang Minang daripada Sumatera. Kita sini banyak orang Jakun macam keturunan Tun Massa tu-- tu kira orang Jakun.

**AE: Oh jadi kiranya Tun Massa tu orang Jakun la.**

EA: Ah kita sini memang orang Jakun Melaka pun sama. Keseluruhan Johor peta Bekok memang orang Jakun.

**AE: Orang Asli jakun tu ke ?**

EA : Ye Asli Jakun. Cuma bila dia masuk Islam tak la panggil Jakun lagi yang Jakun ni orang bukan Islam.

**AE: Kira yang orang Asli tu lah ?**

EA: Jementah ni orang Asli nya di Kampung Hulu Jementah. Kampung hulu Jementah tu la tempat asalnya Melayu Asli iatu orang keturunan Jakun. Jadi apabila dia dah masuk Islam dia pindah ke Bukit Tunggal sikit pindah ke Pogoh dan lain-lain tempat termasuklah Jabi , Kampung Gubah. Itu asal keturunan dia dari orang sini la. Kampung Hulu Jementah ni kalau kita keluar ke *uturn* [pusing] kira rumah timbang sawit tu. Ah tu kawasan Hulu Jementah la tu.

**MA: Besar ke kawasan tu?**

EA: Tak besar mana dalam satu ekar ke dua ekar tanah je tulah kampung dulu sebelah sungai kalau nak pegi Melaka ikut sungai menghala ke loji air. Sini kampung Ulu Jementah, lepastu terus jumpa loji air kan, lepastu jalan nak pergi Melaka la.

**MA: Ikut situ orang dulu-dulu.**

EA: Biasalah orang dulu-dulu.

**MA: Orang dulu pakai sungai tu la untuk bergerak.**

EA: Kampung Hulu Jementah tu anak air Pak Malek. Sungai tu air Pak Malek nama dia kalau ikut dalam peta la. Jadi lepas pada tu?

**MA: Bagaimana corak pentadbiran pada masa dahulu.**

EA: Dulu kalau kita perhati zaman dahulu, kita ambil yang perdagangan ye, pada Melaka dan lain-lain. Jementah ni jalan je orang buat rumah persinggahan, tiada penempatan awal la kecuali Kampung Hulu Jementah tadi. Kalau kita orang dulu dia jenis jual kulit jual daging gitu lah.

**MA: Itulah aktiviti ekonomi orang dululah?**

EA: Buah buahan, barang-barang kayu macam damar itu dia orang dulu lah. Kalau buah-buah durian, langsat, cempedak.

**AE: Kira dari dulu lagi lah orang dah tanam durian?**

EA: Dulu dah ada Jementah ni kira macam durian Segamat asalnya dari Jabi dia tanamlah sampai ke Jementah. Jementah ni dari 200 tahun dulu dah ada durian.

**AE: Kira dah lama la ye. Sebab ada orang kata durian Segamat tu asalnya dari jementah.**

EA: Jementah ni kira yang nombor dua tersedap. Segamat ni nombor satu. Yang nama durian Segamat ni buah dia tak berapa besar, dua kilo kalau besar pun dua kilo setengah la tak sampai. Dia punya tangkai panjang kulit dia tebal sikit isi dia satu ulas satu. Tapi bila kita makan satu ulas saja durian Segamat, kita makan yang lain dah tak

sedap. Jadi, kalau orang nak makan durian Segamat di makan durian lain dulu kira buah buah jenis lain la dia makan yang tu dulu lepastu baru makan durian Segamat.

**AE: Kira durian Segamat tu--**

EA: Kita tak boleh makan lebih dari seulas dua kenyang dia dah mual, kalau makan lebih kira sedapnya tu.

**AE : Kira durian kat Segamat ni asal durian kampung ke?**

EA: Asal durian kampung. Tapi tempat lain asal durian kampung sama tapi tak sama macam rasa durian Segamat yang nama dia Durian Terung, Durian Jantung. Tapi bila rasa durian Segamat tu seulas habis, yang lain kita rasa dah tak sedap. Cuma orang cina dia malas nak tanam durian Segamat, dia kahwin dengan Musang King semua. Sebab durian Segamat buah dia tak banyak pastu pokok dia tak keluar banyak buah.

**AE: Oh, Durian Musang King tu kahwin dengan durian biasa lah ye.**

EA: Jadi macam durian cair, macam duri hitam tu semua dari Segamat la. Yang durian hitam tu dia cair isi dia. Durian Jementah tu salah satu durian yang terbaik boleh dipasarkan ke luar la pasal durian dia tak sama kualiti dengan durian yang ditanam di Segamat, sana gugur je kalau tak belah harini atau paling lewat esok dia dah cair dah, tapi jementah tak dia masih kering lagi dia boleh bawak kemana-mana. Sekarang dah macam, dia dah ikat apakan kalau dulu tak boleh simpan dua, tiga hari lah bawak ke Singapura.

**MA: Jadi aktiviti ekonomi orang dulu tanam padi, tanam durian, kulit ada lagi tak?**

EA: Pastu ikan. Bila mana habis musim durian mana durian ni ada tempoyak ada lempuk boleh dipasarkan. Musim tempoyak nanti musim kering musim kemarau kan orang pergi cari ikan.

**MA: Cari ikan pulak itu kerja orang dulu.**

EA: Kalau tengok sepanjang saya duduk sini tahun 82, saya tengok dia punya jadila dia macam tu lah. Eh pergi mana? Cari ikan mereka cakap. dia orang orang kampung. Selain kerja kilang kerja Estat. Jementah ni banyak Estat program Estat Tan cheng lok, banyak la estat-estat membantu orang-orang kita. Kilang juga terlibat kilang Havershap. Cuma kilang tu dah tutup. Kalau sekarang kilang yang tinggal kilang sawit la yang baru ni. Lain kilang-kilang baru dah takde Kilang Sawit lepastu universiti UITM lepastu di Pulapol. Sekarang dah dekat nombor berapa? (menanyakan nombor soalan kepada penemuduga)

**MA: Nombor tujuh eh?**

EA: Oh nombor tujuh, banyak melompat ni dah masuk aktiviti.

**MA: Cik, macam mana kehidupan dan cara masyarakat diawal pembukaan Jementah.**

EA: Kalau dulu kita tengok diaorang cuma berdagang la tiada aktiviti kampung-kampung yang tetap la, bila dah berperang semua orang dah berkampung baru kita tengok adalah kompong, berzanji dari situ la mula adat persilatan timbul. Orang tua-tua bnyak yang dah meninggal, jadi orang muda kena buat balik ilmu persilatan, kena ajar. Lepastu yang berkait rapat ni macam Qasidah (kelab marhaban) pun ada Tebing Tinggi, Bukit tunggal banyak orang yang pandai Qasidah (kelab marhaban) dulu.

**AE: Sekarang ada lagi ke?**

EA: Sekarang kurang dah. Dah takde tengok dia pun tak tahu. Zaman Tok Mat Yassir tahu.

**MA: Kenal.**

EA: Dia ahli Qasidah (kelab marhaban) la dulu ahli marhaban tu.

**MA Oh yeke?**

EA: Lagi siapa lagi ramai la. Dia dulu orang-orang ni dari Muar. Muar je banyak pasal Muar dah ada penempatan dah kat sini kurang. Kat sini bnyak persilatan. Persilatan yang pling bagus dalam sejarah dunia di Jementah la. Nama Silat tu Kilauan Senja.

**AE: Tapikan sekarang ni Kilauan Senja dah tak *top* [popular] dah.**

EA: Dia tak *top* [popular] sebab dia taknak ajar.

**MA: Kenapa taknak ajar?**

EA: Dia kata orang muda-muda je. Tak Tahu la cara orang ni sebab ini bukan satu benda yang senang kecuali dia nak yang dia ajar pun keluarga dia.

**AE: Keluarga dia tak ajar orang lain ke?**

EA: Tiada, kalau keluarga dia nak ajar, ajar la. Itu sebabnya kalau tengok persilatan lain baru diwujudkan dan dipecah pecahkan. Kilau Senja tidak. Samurai paling hebat di dunia pun kalah dengan silat Kilau Senja. Pasal pernah dia cuba bertarung. Samurai yang menceritakan yang silat Kilau Senja ni satu silat yang tidak mudah dikalahkan,

untuk membuktikan cucu kepada guru Samurai tu datang sini uji dengan anak orang yang ajar silat dekat sini. Sini yang ada Abdullah Halim Yunus nama dia tu umur dia dah 70 lebih dah. Dia yang ada ilmu ni lagi lah.

**AE: Dia hidup lagi ke?**

EA: Dia duduk batu 13 kampung dedap.

**MA: Umur dia 70 puluh lebih tepat?**

EA: Orang muda kalau nak belajar dengan dia boleh la. Isteri dia pernah kerja dekat UITM. Pensyarah UITM.

**MA: Pensyarah? Lama dah penceran kalau umur dah dekat 70 tahun.**

EA: Dulu, lepas ujian dia pergi belajar dekat Jerman kahwin dengan orang sana. Bila dapat beberapa orang anak baru dia balik sini, balik dia buat projek la untuk Orkid apa semua. Lepastu baru kahwin dengan Uitm tu. Itulah Abdullah Halim bin Yunus. Yunus tu nama cikgu Mahir dalam Kilau Senja. Abang dia duduk di Indonesia, Tengok cita P.Ramlee yang dia boleh tangkap senjata dari belakangkan itu Kilau Senja punya amalan. Maknanya dia boleh tangkap senjata. Jangan kata P.Ramlee tu cita saja, tak-rupanya ada.

**AE: Yelah sebab P.Ramlee ini cerita dia banyak berkisahkan kehidupan.**

EA: Satu lagi Persilatan yang dok panggil Gulung Tikar tu pun lain, tu pun tinggi tapi tak sama macam Kilau Senja. Sekarang kita masuk adat resam sebelum dunia ni wujud.

**MA: Okay [baik] baik.**

EA: Contohnya, silat olahraga yang dicipta di Malaysia ni kita berkisahkan Jementah juga. Ahli Jementah yang banyak tunjuk dulu di jementah. Lepastu gasing, Persatuan Gasing Malaysia ni perlembagaan kita yang buat.

**AE: Kiranya gasing yang kita ada sekarang ni dari Jementah la.**

EA: Ye, masa saya kerja sini kita buat tapak gasing tu dekat Kampung Gelugur siimpang tu lah kebun getah, lepastu sebelah tu buat tapak gasing la. Kita buat la tolong buat. Yang ada sekarang ni baru. Perlembagaan dia tu dulu buat. Sekarang takda dah, dah roboh masa zaman Penghulu Sahib ada lagi. Tahun 1982, awak belum ada.

**MA: Mak ayah kita pun tak kahwin lagi.**

EA: 1982 saya dah uruskan Perlembagaan Gasing Silat ni, tak la kita cuma ikut jela dia olahraga. Tahun 84, 85 saya dah mula terlibat dengan rekrusi luar. Kompang saya tak terlibat la. Jementah banyak terlibat dengan perlembagaan dia peraturan pertandingan Jementah dia bagus bukan hal dunia je. Macam lebuh raya ni penasihat dia orang Jementah.

**MA: Lebuh raya baru ni?**

EA: Lebuh raya baru ni la Johor bahru, Selangor tu. Sebab apa Singapura tak bagi. Pasal kat nilai tu ada kubur kan masuk lebuh raya. Jadi orang Cina tak bagi.

**MA: Sebab?**

EA: Tak nak alih pindahkan kubur. Jadi idea orang Jementah pindahkan kubur buat macam Nirwana yang ada sekarang. Jadi orang Singapura nak tengok terus la pergi tengok kat Nirwana dia. Nama pun Nirwana dekat nilai. Jadi orang Jementah juga mempunyai idea yang terbaik, Nak buat Putrajaya tu pun orang Jementah juga punya idea. Patutnya kalau buat tahun 2030 kan baru mula. Tapi katanya tak boleh sebab ekonominya berapa juta akan rugi, jadi kita buat awal tu yang buat awal.

**MA: Jadi Putrajaya tu dalam perancangan orang Jementah la.**

EA: Rancangan dan cadangan dari orang Jementah. Penasihat dia, jadi Jementah ni dalam pentadbiran terbaik la diakui oleh pemerintah.

EA: Jadi dah masuk kepada? masuk tujuh. Nombor?

**MA: Nombor 10.**

**AE: Penghulu Lama.**

EA: Perang Jementah tu, dah masuk tadikan.

**MA: Dah masuk tadi.**

**AE: Dah-- sudah.**

EA: Tak payah la erh?

**MA: Dengan Tok Empang pun dah masuk tadi. So, [jadi] kite terus ke sejarah Rumah Penghulu lama.**

EA: Okay penghulu lama.

**AE: Jap, punca kematian ni dah tahu kan?**

EA: Yang mana?

**MA: Punca kematian Tok Empang.**

**AE: Dia sakit tua kan?**

EA: Dia **sakit tua--**.

**AE: Kiranya, waris dia ada lagi tak dekat sini?**

EA: Waris dia yang tinggal tu lah macam Mat Jadi tadi.

**MA: Mat Jadi. (waris Tok Empang yang tinggal di Bukit Tunggal)**

**AE: Mat Jadi tersebut.**

EA: Itu golongan waris-waris dialah.

**AE: Mat Jadi.**

EA: Mat Jadi bin Maksah. An bin Maksah ataupun yang tu yang kata jaga--

**MA: Jaga harimau.**

EA: Makan rimau tu. Ha tu waris-waris dialah yang Kubu Dedap nanti bagi la alamat dia nak tahu juga tu.

**MA: Takut pakcik. (ketawa)**

EA: Tak takut. Kita pasal dia an dia akan jumpa kita juga. (ketawa). Rimau dia patut dah takde.

**MA: Entah- entah sedara mara je. (ketawa)**

EA: (berdehem) Tapi semua itu waris. Waris-waris semua atok-atok semua, sepupu kan cakap untuk kesini lak bukan atok. Tok Oyang punya sepupu.

**MA: Ehem. (berdehem)**

EA: Jadi, Jementah dengan keturunan saya tak tak jauh beza. Orang lamalah.

**AE: Saya nak tanya Kesang itu kan? Kan dulu kan?**

EA: Hmm. (Menjawab soalan Alia Edwina)

**AE: Sekarang orang panggil apa Kesang tu?**

EA: Kesang panggil Kesang lah.

**AE: Masih Kesang?**

EA: Tapi situ ada kesan tasik kesan pajak jadi lama-lama Kesang. Cuma Kesang taklah dipanggil negerilah. Kesangnya sekarang yang Tangkak ni. Ganti dia.

**AE: Oh kiranya dulu Kesang lah tu?**

EA: Ha dulu Kesang.

**AE: Oh. (memahami soalan responden)**

EA: Pentadbiran raja-raja Kesang. Kerajaan Kesang. Daripada sungai Muar kemari sampai ke Kesang Pajak, Kesang apa itu, itu bawah kerajaan Kesang. Bawah kerajaan, kerajaan Kesang dulu, bawah kerajaan keturunan apa sultan Melaka, salah satu daripada jajahan pemerintahan di Johor. Jadi kalau Johor ini masih ada lagi kawasan yang ada raja lepas itu yang orang kata jalankan senang. Pasal dia nak jadi raja. Sebabtu dia bunuh keturunan mangkat Sultan Mahmud mangkat dijulang dan anak-anak dia.

**AE: Ya memang dulu kalau siapa nak, kiranya tak, nak, kiranya nak (tersasul) itu kena kita--**

EA: Ha. (mengiyakan apa yang diperkatakan oleh Alia Edwina)

**AE: Itulah kan--**

EA: Dia nak, dia cara macam inilah. Nak berdepan tak boleh. Ni waris saudara dia orang kata dia tak boleh, tak boleh nak berperanglah.

**AE: Ya, sebab yalah orang tak tahu kan Kesang dia sebut Kesang, Kesang, Kesang tapi tak tahu Kesang tu apa benda kan?**

EA: Kesang itu salah satu benda, sana ada istana. Dah hampir dah robohlah dalam dalam kebun sawit itu ada bekas-bekas istana itu. Raja Ali punya anu tu.

**MA: Okey masuk sejarah pasal Rumah Penghulu lama.**

EA: Apabila rumah penghulu lama ini, dia kata tuk untuk merapatkan hubungan tadi pentadbiran sebab apa di tempat lain ni semua berpenghulu pada itu pada Johor tapi Jementah ni dia banyak pada orangnya liar sikit marah orang.

**MA: Oh. (ketawa)**

EA: Jadi kerajaan dia buatkan rumah penghulu.

**AE: Oh kiranya lepas, lepas perang tula dia baru buat perang sedara.**

EA: Lepas perang sedara, dia buatkan itu sampailah wasiat daripada Tengku Busu tadi dia serah pada Sultan Ibrahim di rumah penghulu tu.

**MA: Oh. (memahami jawapan responden)**

EA: Kan ada balai itu kan? Balai depan rumah sebelah masjid kan ada balai.

**AE: Ha'ah balai, Balai Iyoh.**

EA: Balai, itu tempat penyerahan wasiat itu.

**MA: Itu punca rumah penghulu itu dibina?**

EA: Pembinaan rumah penghulu untuk pembangunan tuk merapatkan silaturahim antara pentadbiran negeri Johor dengan rakyat Jementah.

**AE: Sekiranya dia nak macam itulah kan lepas perang itu kan. Dia nak macam buat bina pengaruh lah.**

EA: Macam orang penghulu itu **komplek pertanian**--

**MA: Tahu-tahu.**

EA: Itu daripada tahun lalu tahun anu pun dah ada. Zaman tahun (tersusul) zaman penghulu.

**AE: 98. Kira oh.**

**MA: Lama sangat komplek pertanian tu.**

EA: Ha. (mengiyakan pertanyaan daripada Muhamad Azudin)

**AE: Lama sangat.**

EA: Sebab itu di belakang itu dia panggil kampung pertanian kan. Kampung Gelugur kan?

**MA: Haah.**

EA: Kampung Gelugor itu asal dia Kampung Pertanian. Jadi situ zaman apa zaman pentadbiran pertanian dulu berkampung dengan orang tanam padi apa ni berikan apa semua kawasan situ.

**AE: Oh.**

EA: itu adanya- dalam segamat mana ada. Bekok ada, Labis pun ada tapi tak se macam macam sinilah. Ada kuarters, tak ada apa. Ada rumah penghulu. Tempat lain rumah penghulu terbengkalai. Kan?

**AE: Ha'ah. (mengiyakan jawapan responden)**

EA: Komplek pertanian, palan- Pengkalan semua ada. Daerah-daerah lain. Ha pi sini masih lagi masih lagi aktiflah ada itu. Kebun kelapalah apa.

**AE: Hoi kat belakang dia tu kat belakang kat--**

EA: Dulu sawah padi.

**Catatan:** Celahan daripada Alia Edwina berlaku di mana dia menanyakan soalan kepada responden mengenai adakah ia merupakan bekuk atau tidak.

EA: Ha. (mengiyakan jawapan responden)

**AE: Ikan Bekuk itu pun daripada Bekok kah?**

EA: Pekan Bekok itulah Bekok. Bukan bekuk, bukan bekuk tahu. Bekok di Asahan di Tangkak kan tapi Bekok Labis ni Kampung Bekok itu memang di kawasan Bekok. Ha yang ada stesen kereta api itu. Situ orang Melayu dulu duduk antara klinik itu Kampung Melayu sampailah ke kawasan Gunung Bantang orang panggil. Itu kampung Melayu kebun orang Melayu. Apabila Komunis memerintah empat belas hari semua dia bunuh orang Melayu situ. Yang hidup penghulu Alam, anak dia Tok Mail lebih sikitlah. Lepas itu bini dia. Dia tiga orang je hidup lain semua dibunuh. Zaman Komunis. Lepas itu di Kemicidak empat puluh keluarga Melayu semua dibunuh. Tak ada hidup. Itu di sana harta saya tak rampaslah. Cina tak ambil. Yang Bekok itu dia ambil. Dia Melepang. Melepang itu masih kawasan Segamat. Melepang gantian dia buatkan pulau gantian. Ha itu. Well Estate, Well estet ini pun dia serang. Tapi dia pulang balik yang dia tak pulang Bang Hong Estet. Bang Estet itu dipanggil Well Utara. Well Utara tadi dia tak pulang sampai sekarang. Itu zaman Komunis. Makna zaman Komunis dulu yang paling yang paling terjejas yang kita nampak semua daerah Segamat. Tempat lain tak ada.

**MA: Zaman lepas ramai orang Komunis bunuh masuk dalam kawasan.**

**AE: Tu yang ramai orang Cina kat situ.**

EA: Haah! Pasal apa tahun sembilan belas tiga puluh enam **dia--** wujudkan Par- **Parti politik--** kira ini Parti Komunis Malaya itu jadi dia Parti Titik, Parti Tiga Titik hijau ataupun Bintang Tiga. Itu jadi wujud nya di Jementah. Ni pentadbiran dia **di--** Jementah lah kawasan dia termasuklah seluruh Malaysia pun bawah pentadbiran Jementah. Jadi Bahau ni dia panggil parti Komunis tu dia tahun 1946. 46 tadi tujuan dia untuk mengambil alih tampuk pemerintahan British. Apabila kita ni johor dah tahu. Dia buat baik dengan Sultan Johor masa tu Sultan Ibrahim. Jadi dia dah tahu yang Cina nak ambik alih nak apa semua. Jadi Jepun tadi nak duduk di Johor dia buat baik dengan Sultan johor.

**MA: Ehem. (berdehem)**

EA: Dia apa pahal semua dia berhubung. Sebabtu Negeri Johor, jepun tak kacau. Jadi apabila Komunis masuk tu yang berlakunya perang kesali apa semua ni kerana dia terlalu zalim. Ini dah masuk kepada anu, tegok ni- dah, nombor 10 lagi tu. Jadi dia terlampau zalim. Itu yang berlakunya amalan Kengsaleh. Hang kena belajar gak, kena amal. Amalan Kengsaleh tu terbaik dalam kita mentadbir apani setan dalam diri kita, yang sebenarnya. Zu kita fisabilillah pada dalam diri, untuk pantang dia macam mana, biasalah. Dan kita kena tahu, Dia kata apa yang Islam tak bagi, kita jangan buat. Makanan yang penting. Jadi subahat, subahat ni dia saja makan tapi kita bersubahat dalam apa-apa juga lah sehingga pembangunan ke perniagaan ke apa dengan bangsa Cina. Tak boleh, sebabtu kalau waktu dalam perniagaan *share* [kongsi] yang melibatkan Cina tadi mentadbirkan, sebabtu tak boleh. Dalam Islam pun tak boleh.

**MA: Faham.**

EA: Dia dalam segi fisabilillah nanti kita tewas. Kita dah masuk dalam golongan dia. Contoh, berlaku dalam 13 mei apabila diorang nak buat serangan pada orang kafirin **di-- Nyalas.** Nyalas.

**AE: Nyalas.**

**MA: Nyalas.**

EA: Nyalas, Asahan Melaka ni.

**MA: Ha'ah. (mengiyakan jawapan responden)**

EA: Nyalas, kampung tu. Jadi pak imam ni sekali nyorok sama dengan cina-cina tu.

**MA: Pak imam nyorok sekali?**

**AE: Kenapa nyorok sekali?**

EA: Jadi bila orang nak bunuh

**AE: Ha'ah. (mengiyakan jawapan responden)**

EA: Dia tengok ada pak imam. Dia kata macam mana pak imam ni dia boleh bercampur dengan golongan ni bermakna dia golongan-golongan orang yang munafik.

**AE: Yelah.**

EA: Pak imam tu lain ceritalah tapi segi apa ni dia punya anu dengan orang Cina, dia baik dengan orang Cina, ha tu jadi golongan- bila masa tu kalau fisabilillah suruh dia mengucap, bunuh. Tapi dia kaji dia tanya balik, rupanya pak imam ni bersubahat dengan Cina tu. Kebun pak imam ni bela babi.

**AE: Lah.**

**MA: Lah. (ketawa) gitu.**

EA: Ha tu cerita dia.

**AE: Dia ada bela babi juga.**

EA: Jadi tu walaupun dia sewa, dia memang tak makan babi, tapi dia sewa hasil daripada sewa tu dia makan tak? Dia boleh tu.

**AE: Kiranya duit dia tu, hasil--**

EA: Ha hasil.

**MA: Hasil-hasil dia.**

EA: Hasil subahat dan itu boleh dalam fisabilillah kisah dia. Dia tak boleh.

**MA: Dah sama macam orang jual arak, jual arak la kan.**

EA: Macam kenapa kita tak, tak dibenarkan ke, tak dibenarkan kita minum kopi di kedai Cina sampai sekarang. Semua Cina Hailam kata tak tak pergi. Dan kilang-kilang kopi yang dibuat oleh Cina. Kerana apa kata dia, pasal ni tak cakap, pasal saya pun tak jumpa dia. Tapi bini dia kita jumpa la. Kira atok. Lelaki dia tu atok. Jadi cerita. Jangan minum kalau ni ni semua jangan. Bila kata saya dah bekerja duk di Chaah, jumpa Cina buat nak goreng kopi. Satu kuali besar. Dua botol \_\_\_\_\_. Cakap kenapa guna? Dia kata untuk rasa sedap. Kopi yang adani nak rasa sedap, campur.

**AE: Campur apa? Arak.**

EA: Ha campur arak. Jadi semua, semua kopi hailam yang ad ani termasuklah amoi ni, semualah. Amoi ni saya jumpa dia, dia taruk.

**MA: Kopi amoi tu.**

EA: Dia goreng campur arak lah. Dua botol.

**MA: Risau erh.**

**EA:** Sebabtu tengok orang Melayu, orang Melayu ramai minum dia kan macam ketagih.

**MA: Ha. (mengiyakan kenyataan responden)**

**EA:** Lama-lama dia ketagih cam arak sama. Kedua dalam tu dia campur dengan manjerin apa ni lemak babi.

**AE: Oh. Okay.**

**EA:** Dia memang rasa, kita kalau goreng kopi kita campur majerin jugak buat. Tapi dia campur manjerin lemak babi. Jadi dua jenis ni menyebabkan salah sat- kita orang Islam takleh minum. Haram. Tanya dia nanti orang Melayu masuk minum. Itu dia punya pasal lah kata dia.

**MA: Tak kisah, janji diorang untung dapat duit.**

**EA:** Dia kata tengok kopi dia, kan meleleh pekat an. Kang orang minum khayal, suka, untuk itu, itu menyebabkan tak boleh, saya dulu tempat ni saya dah jumpa lah satu Chaah, satu amoi. Tengok lah dia goreng macam mana. Cuma masa tu lemak babi tak tahu, ingat planta kan macam biasa, rupanya ada satu Cina tua juga jumpa di Kluang itu hari. Lepas pkp an jumpa dia itu, itu planta tu daripada lemak babi kata dia. "Lu orang Melayu jangan makan. Jangan minum itu kopi. Kalau lu minum bikin sendiri". Buat sendiri. Jadi apabila rumah penghulu tadi disebabkan kerana untuk merapatkan dan orang pertama kira adanya orang duk penghulu tu Penghulu Kahar erh.

**MA: Tuan rumah?**

EA: Kira tuan rumahlah Penghulu Kahar walaupun dia tak tidur situ tapi dia berasal daripada situlah ada dia. Dia dah menetap di se- je- apa, Jementahlah

**MA: Ehem. (berdehem)**

EA: Lepas Penghulu Kahar, Penghulu Meng. Lepas penghulu ni, Penghulu Mata.

**MA: Penghulu Mata.**

EA: Mata yang apa ni, anak dia kat Bukit Tunggal kan banyak adakan. Ceh, sape Namanya yang tukang kebun tu.

**MA: Lupalah namanya. (ketawa)**

EA: Lupa dah anak dia. Penghulu anak Mata yang bini dia meninggal orang Paya Pulai itu. Anak tu pampit punya anak. Bini dia tu.

**MA: Sebab kenal yang tukang kebun je.**

EA: Ha tu, sapa nama tukang kebun. Susah nah selalu boleh panggil tapi tu kena ikut lah.

**MA: Dah, dah tak ingat dah nama.**

EA: (ketawa)

**MA: Kalau tengok dulu, dia dulu, oh tukang kebun ni. Tengok macam tu je.**

EA: Dia bagus dia. Ha tu bapak dia. Dia beranak di rumah ni lah. Rumah—

EA: Penghulu lama. So, kebanyakkan beranak sini keluarga dia.

**MA: Ehem. (berdehem)**

EA: Lepas Penghulu Mata tu, rasa barulah Penghulu Puntung.

**MA: Puntung.**

EA: Duduk rumah tu. Bila Penghulu Puntung takde kelmarin, rumah tu takde jaga. Dia Cuma gitu je la. Penghulu Sahib eh Penghulu Sahib duk sekejap. Penghulu Sahib dengan Cik Cah tu. Cik Cah anak angkat Penghulu Puntung duk situ. Bila kata Cik Cah meninggal kelmarin, Penghulu Sahib kan baru, ha dia pindah rumah tak duk situ lagi.

**MA: Faham.**

EA: Jadi apa-apa aktiviti dulu, perhubungan antara orang Cina dengan orang Melayu, Penghulu Sahib la jadi dia punya pendamai dia.

**MA: Oh. (memahami yang diperkatakan oleh responden)**

EA: Pasal apa kumpulan tu dengan orang Cina apa semua tu baik kan. Ha itu. Yang selepas dia ni, selapas daripada tu mana ada lagi orang kita pun dah aman dah takde apa tak kisah lah. Kan gaduh pun takde dah, takde sangat lah. Sekarang ni, rumah tu dah diambil alih oleh apani OKU.

**MA: OKU**

EA: Haa yang ambik alih, dia jadikan rumah tu Homestay [rumah sewa persinggahan] lah.

**AE: Ehem. (berdehem)**

**MA: Ha'ah. (mengiyakan jawapan responden)**

EA: Jadi rumah tu bawah tu dulu dia macam balai polis. Dia ada, ada lubang untuk dia lari diri. Ada lubang.

**MA: Ada eh lubang rumah tu?**

EA: Ha. (mengiyakan soalan Muhamad Azudin)

**MA: Oh, kenapa dia tidak bagitahu haritu. (ketawa kecil)**

**Catatan:** Menziarah rumah penghulu lama bersama Tuan Put di pusat OKU semasa perjumpaan pertama

AE: Dia tak tahu.

EA: Dia, dia ada lubang tu, tapi dah tutup lah rasanya.

**MA: Dah tutup.**

EA: Macam balai polis lama-lama pun semua macam tu. Bila kita perang je kita semua nyorok bawah tanah. Dia serang daripada rumah dia rumah atas, mungkin nampak dari luar. Ha tu jadi. Sebabtu balai polis Jementah ni dibuat kali ketiga sini. Tempat laman sama lah. Kali ketiga. Mana yang sebelum tu Paya Jakas tapak masjid. Saya pun tak tak ingat tar gambar terlupa dah. Tu masjid tu, ha tu tapak balai polis lama. Lepastu di Lubuk Bandan pun ada rumah pasong [balai polis]. Lepastu di Tebing Tinggi, di Kawasan Jementah ni memang banyak lah balai polis dia buat.

**MA: Sebab semata nak eratkan hubungan.**

EA: Yelah untuk anu. Bukan mengeratkan hubungan lagi, pentadbiran.

**MA: Pentadbiran.**

EA: Memperkuuhkan perhubungan dan pentadbiran.

**MA: Ini nombor sebelas.**

EA: Nombor sebelas. Okay [baik].

**MA: Bolehkah Encik ceritakan kisah menarik yang masih tidak diketahui oleh orang ramai?**

EA: Kalau kita tengok sini. Ada kisah menarik yang orang dulu tahu yang biasa mana daripada segi pertanian lah.

**MA: Ha'ah. (mengiyakan jawapan responden)**

EA: Pertanian yang ada dulu padi.

**MA: Ehem. (berdehem)**

EA: Lepas padi, sawit ni kira baru, getah dan jenis-jenis buah-buahan. Durian ke apa manggis, duku. Duku pun takde, duku daripada Muar. Langsat.

**MA: Langsat.**

EA: Langsat adalah jering, petai tu perdas. Semua ada lah. Berangan. Ha tu buah-buah yang asal yang ada di Kawasan Jementah lah. Buah campoi, kan. Dulu kebun-kebun dulu banyak buah campoi. Bila kata orang dah terbang anu jadi banyak mati jadi buah campoinya banyak di Kawasan Jeram. Ha gitu. Dan limau bali ni sekitar tahun 80-an. Takde sini kemalrin limau bali **salah--** satu daripada buah-buahan yang termahsyur lah.

**MA: Terlaku lah.**

EA: Pasal apa,satu limau yang nombor satu baik yang dalam Malaysia. Lepastu baru Pagoh. Yang tambun itu nombor tiga. Tapi Jementah, Pagoh yang laku lah gi hantar Singapore. Dan pernah perantau luar negara datang tau, datang ke Jementah ni tengok limau bali, tengok makan musim durian. Musim durian sebelum entah apalah sebelum sawit kan durian kan mahal.

**MA: Ha'ah. (mengiyakan jawapan responden)**

EA: Masa tu banyak yang Cina datang, masa tu ya, durian naik. Habis daripada buah-buahan, dari segi pelancongan. Macam rekreasi, tapak rekreasi ni-- sebelum, sebelum

tahun 60 ni pernah berlaku ni lah Penghulu Sahib punya isteri, ni pergi ke Jeram Tinggi. Di Jeram Tinggi tadi dia jumpa satu bunga rose- bunga Mawar.

**MA: Bunga Mawar.**

EA: Bunga Mawar tu warna emas.

**MA: Emas eh!**

EA: Ha emas. Jadi Cik Cah ni isteri dia nak pergi ambik bunga tu jauh. Nak ambik jauh. Jadi dia kata tak boleh tu dia balik. Jadi air terjun tu, kalau saya, saya panggil Air Terjun Mawar Emas.

**MA: Oh. (memahami jawapan responden)**

EA: Kawasan tu, kawasan Jeram Tinggi. Sebabtu dia panggil Jeram Tinggi, tempatlah tapi air terjun tu bagi saya, saya panggil Air Terjun Mawar Emas. Kalau belah atas sikit tu Air Terjun Vanilla.

**MA: Vanilla.**

EA: Lepastu, vanilla tu ada orkid vanilla banyak. Jadi situ ada dua air terjun. Yang sini- yang tinggi tu Air Terjun Mawar Emas dan air terjun belah sana ha tu Vanilla.

**MA: Ehem. (berdehem)**

EA: Jadi Kawasan Hulu Jementah ni, sepanjang saya jaga kita cadangkan nak buat Taman Nadir. Masa tu kita berbincanglah dengan apa ni PFO. \_\_\_\_\_ apani di si- Police

Forest Officer. Ha tu Encik Haji Badarus lepastu yang jaga pertanian. Jadi tu baru buat taman nadir kat sini. Kat Jeram ni belas atas lah. Situ, taman nadir ni fungsi dia mesti ada buah-buahan hutan, situ ada buahan bangkung ada, petai ada, cempedak bangkung lah. Lepastu buah perah ada, tampoi, kemam semangkuk, berangan. Ha tu buah-buahan yang terdapat Kawasan yang tadi. Biasanya dorang dalam 10 tahun, 7 tahun hingga 10 tahun lah baru siap di bermusim dia. Orkid, orkid tiger.

**MA: Orkid tiger.**

EA: Tahu orkid tu pernah tengok?

**MA: Tak pernah. (ketawa)**

EA: Tak permah. Nanti saya hantar gambar lah. Guramotem Fiream. Dalam buku tu pun ada rasa. Ha tu orkid tiger kita banyak Kawasan dia di sinilah Jeram. Sini sepanjang saya masuk situ yang saya pernah jumpa ada , 1, 2 dah 3, tiga dah habis, dah jatuh lah dah tak jadi. Yang tinggal 1, 2, 3, 4. 4 pokok lagilah.

**MA: Empat pokok sahaja limit.**

**AE: Empat pokok ni sahaja.**

EA: Empat pokok, empat rumpun orkid tiger kat sini. Pun ada gambar nanti tengok.  
Di-- ha, lagi satu dia panggil Pyronoensis Fluskata. Fluskata yang gambar yang tadi tu.

**MA: Yang warna kuning tu? (menunjukkan gambar orkid alam buku encik yang disediakan)**

EA: Yang kuning.

**MA: Oh. (memahami jawapan responden)**

EA: Itu salah satu daripada orkid-orkid yang termahal lah dalam Malaysia. Fluskata, Cornissery, ape le, ape Sumatera lah, Sumatera takde sini. Sumatera kebanyakkan berada di Kawasan Rompin. Kalau Cornissery sepanjang sungai Muar. Dekat Tebing Tinggi banyak. Tempat berlunyah. Ha tu Cornessery banyak orkid dia. Itu pun wangi, dia kecik bunga sama. Ah yang Fluskata nya sini lebih pada 60 rumpun ha saya jaga. Dan setakat ni belum ada lagi orang yang tahu 100%. Inilah.

**AE: Kiranya takde orang yang bela kan lah, orkid kan orang bela kan?**

EA: Dia bela tapi sini pernah bawak dia tak jadi.

**AE: Tak hidup lah sebab dia--**

EA: Dia hidup, tapi tanak bunga.

**MA: Oh, faham.**

EA: Dia tanak bunga. Dia tanak bunga tapi hidup.

**MA: Dia hidup tapi takde bunga.**

EA: Bunga dia tak mahu.

**AE: Oh yelah sebab dia--**

EA: Sini pun ada pokok-pokok tertentu. Dia pokok yang dia suka duduk. Ada satu pokok tu dulu situ dia 30 rumpun. Saya tak tahu, dia pengutip nanti ingat dia takde apa. Rupanya dia pun ikut mati.

**MA: Oh. (memahami jawapan responden)**

EA: Dia nak pokok yang hidup. Orkid ni dia nak pokok yang hidup dan dia menumpang kasih pada pokok yang hidup. Ha tu. Jadi kita kena jagalah. Sekarang pun dalam 50 rumpun.

**MA: Tu arh.**

**AE: Dekat, dekat mana?**

EA: Kat sini Jeram.

**AE: Dekat sungai tu.**

EA: Dekat sungai tempat buadak mandilah, belah dalam.

**AE: Oh. (memahami jawapan responden)**

EA: Saya kena ronda situ lebih kan 2 jam baru habis. 2 jam, satu-satu pokok tengok. Kalau musim bunga kita tengoklah satu-satu. Tak semua, orang taman negara pun tak tahu. Pokok-pokok ni kat mana.

**MA: Faham.**

EA: Ha. (mengiyakan fahaman Muhamad Azudin)

**MA: Faham-faham.**

EA: Kita tak bagitahu takut nanti--

**MA: Diorang ambil. (mencelah untuk memberi jawapan)**

**AE: Dia ambil. (mencelah untuk memberi jawapan)**

EA: Diorang curi ha.

**AE: Yelah.**

EA: Jadi sehingga apa ni jabatan hutan ni kita dah bincang untuk nak nak serah jaga. Saya takleh lama kan tak kuat. Dah dah 60 lebih mana kuat.

**AE: Iyalah betul.**

EA: Jadi kita suruh orang jaga. Orkid hunusis yang paling kecil pon berada di sini. **Dia-** - bunga dia tak besar lebih kurang dalam setangah inci jelah. Sebesar duit 20 sen. **Ha ya--** tu besar dia. Dalam Malaysia dua tempat yang jumpa. Satu Gunung Jerai, satu sini.

**MA: Gunung Jerai dengan Jeram.**

EA: Ha Jeram yang ada orkid tu.

**MA: Spesis dia kan.**

EA: Ha j

adi kalau awak minat nak buat, nak buat apa buku cerita buku bab orkid ni saya boleh tunjuk sementara anu lah. Macam mana dia satu tahun bulan berapa dia berbunga, dia bulan 5. Bulan lain dah tak berbunga. Hingga bulan sebelas. Ha bulan sebelas kadang dia ada bunga. Ha dia kalau kita nak ambik bawak balik. Dia dah berbulu tu nak kluar bulu, sebelum keluar bulu bunga lah, ambik lah. Kasi tempat yang redup sikit, ha tu boleh. Pasal dia berbunga boleh bela.

**MA: Faham.**

EA: Ha tu kalau nak, lepastu sini ada air terjun yang juga Kawasan pentadbiran komunis di Jeram sampai la ke kapal terbang yang jatuh tu di yang sama ada dia ditembak atau pun dia langar pokok. Ha tu kapal terbang jatuh di hulu- Jeram Tinggi belah atas. Ha tu pentadbiran komunis. Dan ketiga harta karun Jepun.

**MA: Jepun.**

EA: Yang tu Jepun. Macam Jepun punya pelan belah sini kan. (melihat dan menunjuk peta).

**MA: Ha'ah.**

EA: Sungai Jementah. Lepasni satu harta karun orang puteh. General apa takt ahu dulu. Jadi tahun 19, 1996. Cucu dia datang, cari tempat tu cari loksasi, jumpa. Jadi dia dah ambik dah.

**MA: Dah ambik dah.**

EA: Yang britih dah ambik. Yang Jepun takde orang nak ambik lagi.

**AE: Kenapa dia tanak ambik? Kenapa dia tak ambik. Kan kan orang inggeris kan dia ambik kan.**

EA: Jepun?

**AE: Ha'ah.**

EA: Sapa nak ambik? Dia pun tak tahu.

**AE: Tak tahu.**

EA: Ha yang tahu saya setakat ni saya je.

**MA: Dah pernah Nampak lah depan mata?**

EA: Bukan nampak. Lokasi dia.

**MA: Lokasi.**

EA: Lokasi tu dan tanda-tanda Jepun ni nak buat, nak buat lokasi di ansi dia ada tanda kat luar. Marking. [tanda]

**MA: Marking. [tanda]**

EA: Ha marking [tanda] dia buat satu bulatan lah. Bulatan macam bulan atas bulatan ni ada satu lubang batu bata tu. Jadi lobang tu tandanya hartanya duduk dalam tanah lah dalam lubang.

**MA: Ouh.**

EA: Ha bulat ni matahari gambar matahari tu tanda Jepun. Lepastu ada satu arrow.

**MA: Anak panah.**

EA: Anak panah tu berapa kaki, kalau dua kaki makna 200 meter. 200 meter lah, 200 meter lebih kurang daripada lambing dia di sini ke sana. Jadi ken acari. Kena cari dalam lubang tu dia akan jumpa. Saya jumpa ada satu batu dia tunjuk arrow, arrow ha makna dia satu alur dan batu block arh. Ha arrow dia kesitu. Kalau nak kena bukak la batu tu, tu ada lobang masuk. Yang kita takut lobang tu ada bom.

**MA: Ouh.**

**AE: Ouh.**

EA: Haa (mengiyakan fahaman MA dan AE)

**MA: Itu yang tanak buka, (ketawa) risau.**

EA: Ha tapi tak semua orang kita tahu. Orang kita kalau tanya bab harta ni dia apa, mistik arh.

**MA: Ouh**

EA: Ha.

**MA: Tu la tu.**

EA: Dia kata jin yang tu jage, jin yang ni jaga an tak oleh ni. Ha tapi sebenarnya ilmu dia takde. Dan Jepun punya style kata kan jalan masuk kat sini an jalan masuk. (menunjuk peta harta Jepun). Ni sungai, harta dia akan letak di sini.

**MA: Ouh**

EA: Kan Nampak tanda lama, jadi dia buat terowong. Ha terowong dia letak harta dia sini. (menunjukkan tanda di atas peta harta Jepun)

**MA: Laluan bawah sungai.**

EA: Ha'ah. Tu yang tu terlibat dalam peta tu kan.

**MA: Ha'ah.**

EA: Ha tu. Tak semua orang tahu. Sini sekarang saya tengah cari koordinat ni. Koordinat lokasi dia betul ke tak betul. Lokasi kat sini dah sini dah dah dianggapkan dah tahu lokasi kat mana. Ha Cuma nak sama koordinat yang dia marking [tanda] tu. Ha tu tak betul. itu guna satelit, kita ambik satelit gambar. Peta yang tu tadi.

**AE:** Kiranya peta tu kan, aaa kan kiranya encik je yang ada peta tu kan. So sebenarnya petase pe (tersasul) peta tu dapat daripada mana?

EA: Daripada geng yang ada satelit ni.

**AE: Ouh satelit**

EA: Haa. Daripada tentera lah. Tentera yang terlibat dengan pentabiran.

**MA: Ouh kiranya tentera tahu lah?**

EA: Ha dia tahu. Dia yang bagi plan ni. Macam saya bagi lokasi plan, gambar rajah yang ada kat tapak. Ha macam ni kita jumpa nanti dia anu. Dia ada kamus, ha okay ni betul, dan lepastu dia ada macam adalah gambar ni, hart ani, gambar ni macam ni. Ha dia bukak, dia kata dia buka lah. Ni harta yang kat sini ni. (dialog encik Bersama tentera). Dalam peta (tersasul) dalam buku dia. Ha tula dia. Ha tolongan dia kat mana apa semua dia tahu lah. Ha jadi lokasi-lokasi tu takde yang tahu. Macam gua. Gua-gua yang ada dalam ni itu macam Gua Pengantin itu semua dalam apa cerita-cerita orang dulu-dulu lah kan jadi, jadi batu apa semua. Dan kawasa-kawasan Gunung Ledang ni yang kita tak boleh bermalam jadi bat (tersasul) jadi batu. Pun ada. Ha tu tahun 1932. Ha tu kira ap anि sedara kepada Omar la. Sebab dia pernah duduk sini dan pernah bertapa di gunung.

**MA: Gunung Ledang.**

EA: Gunung Ledang Kawasan tu. Jadi dia bertiga pergi. Dua orang lepas keluar, yang sorang ni tak lepas. Dia pergi situ tengok dah jadi batu. Ha tu dia cerita Kawasan gunung ni masih lagi jadi batu. Ha jadi kita tak boleh apa, tak bole suka-suka nak masuk. Ha yang kita ke puncak ha tu takdelah hal ah. Ataupun menghala ke Jementah

ni Hulu tak boleh. Lepastu yang masuk ni Cuma group saya jelah buat jalan daripada puncak kemari.

**MA: Ouh.**

EA: Ha itu.

**MA: Sambunganya.**

EA: ha jadi dia punya kelebihannya kita macam mana masuk kena buat, kena join lah. Kalau Bukit Tunggal tu banyak yang join [menyertai] Tarekat.

**MA: Tarekat.**

EA: Hmm. Banyak orang-orang Bukit Tunggal ada. Dia belajar dia join Tarekat. Jadi kita mula-mula ni masuk belajar tarekat. Tarekat ni dia wirit-wirit khas termasuklah Kyai Salleh punya tu amalan. Itu amalan tarekat tapi dia mantap. Amalan Kyai Salleh ni dia ada empat tahap. Yagn pertama tadi khas untuk berjuang. Nak beramal dia orang berjuang dia kena amal hm. Yang kedua yang duduk di rumah, ha dia ada ayat dialah. Dia khas duduk rumah dia wirit. Jadi dia membantu di peperangan sana. Yang ketiga penggerun. Mana tiap-tiap malam jumaat kena beramal, lepas 12 malam, sembahyang hajat apa semua dan ad acara beramal dia. Yang keempat, satu minggu-satu minggu. Seminggu tadi, jadi kita kena buat wirit yang sama 2000 ke 2000 ke 3000, 2000. Yang keempat ni lebih pada 3000. Selamat satu minggu, lepastu kita menyelam kita tengok apekah hikmat yang dia perolehi yang kita baca tadi kita dapat apa. Ha tu tulah dunia dial ah. Ha boleh jadi awak, ha boleh. Awak mimpi jalan atas air atau pun awak hari nak hujan awak "eh jangan hujan dulu lah, tunggu aku nak balik" ha contohnya hujan pun tak jadi. Macam tu lah. Lepastu kau hujan kat sana ke. Ha macam mulut kita tadi diberkati cepat. Haa tu amalan yang keempat salah satu daripadanya. Kalau assyariah almutadariah yang masjid selalu buat ni yang subhanaallah ape semua tu dia ada amalan khusus dia tu salah satu amalan yan

terbaiklah kalau yang 4 tadi untuk musuh bukan, musuh yang kat luar ni macam cina ke apa tu takda kena mengena tapi dalam diri kita ni.

**MA : Ohhh.**

EA: Syaitan dalam diri kita ni. Bila kita amal tu benda benda haram ni kira takda insyaallah la. Lepas tu yang orang yang kelamai sewel tu semua dia langar pantang. Jadi yang tida boleh dibuat main sebat je buat minum arak dia buat . Ini kopi yang dah campur arak tu dia minum je bukan dia thu kopi tu buat macam mana. Jadi itu punca punca yang orang melayu .Cina ni nak menghapuskan orang melayu nilah cara dia ni kita kena jaga makan semua jaga amalan semua nak kena jaga.Kalau nak lebih detail lagi masuk la tarikat. Tarikat yang ada suluk .Tarikat yang takda suluk boleh macam tarikat muhammadiah tu takda suluk pun boleh amaliyah muhammadiah tu takda laksamedi pun ada yang tak bersuluk kalau khulidi sufiah boleh bersuluk. Bersuluk ni kta oleh dapat macam amalan 4 tahap tadi tula ada kelebihan kelebihannya. Bab bab lalu ni kita boleh nampak tu yang tinggal kalau tu teruskan amalan amalan yang paling kurangpun 4 tadi untuk diri kita lain lain tu biasalah .Macam Nasrul haq. Nasrul Haq pernah dengarkan.

**MA: Nasru hab?**

EA: Nasrul Haq.

**MA: Nasrul Haq tu ke ?**

EA: Ha'ah tu bawak dari Selangor datang sini. Kalau sini panggil Dewa dia lah ramai lagi. Dia bukan amalan apa dia cuma zikir je tu sebab wahabi tak bagi. Dia Cuma sebut Allah je .Jurus Allah. Kalau serang sebut tu. Tu satu amalan terbaiklah. Itu kena takda nafas ape semua duduk zikir Allahu ataupun huallah Kerana apa kalau kita dah nazak time kita dah sakit nzak ni kita dah takboleh sebut bismillah dah lailaha illa Allah pund ah tak boleh. Pada ketika itu lidah kita dah kelu dan sakit yang boleh kita sebuk tadi hu allah je zikir nafas Zikir nafas ni kena belajarlah dengan guru yang ada tarikat.

Macam saya selama dua tahun tahan sakit tak tahu sakita apa nak bercakap tak boleh cakap sakit nak sebut bismillah sakit nak selawat allahumma solli ala saidina muhammad pun sakit tak boleh. Lidah dah sakit tapi dalam hati susah nak sebut. Jadi kita tarik nafas la sebut allah. Dalam nafas tadi kita zikir nafas tu je boleh. Bila benda ni jadi baru tahu sebab tu orang tu suruh kita amalakan zikir nafas. Sebab bila kita nak beristiazah pun dah tak boleh. Contoh bila nazak ni dah sakit ni kipas je duduk belakang tak boleh nak usik semu sakit tak boleh nak cakap la. Duduk verdiri rilek tenang nampak jam tengok jam macam sekarang ni dah ok sikitla dah takda kalau kena pun pedih pedih sikit boleh cakap lagi tapi kita bila zikir jangan putus selawat jangan putus kerana satu selawat dia bagi 10 ada selawat yang dia bagi 1000 jenis jenis selawat la. Tapi yang biasa selawat nabi 10 allah bagi selawat kat kita. Tak Peduli yang penting kita lillahitaala apa buat lillahitaala. Pasal apap selawat ni bila bila awak boleh baca awak uzur boleh awak apa je boleh selawat. Kalau quran kang tak boleh tapi kalau selawat boleh zikir zikrullah boleh sambil duduk allahumasollialamuhammad ke selawat jibril ke yang mudah la yang panjang panjang tu dapat banyak yang tadi tu ambik la belajar.

**MA: Oh yang ni.**

EA: Photostate. [mencetak] Gambarkan. Yang ni bagus selawat selawat ni ada selawat burung apa semua orang dulu cara dia la nak jumoa orang besar macam mana apa sume baca berapa kali. Lagi apa yang ke 12 apa? (menunjukkan sehelai kertas yang mengandungi selawat)

**AE: Pembangunan dan kemajuan semasa, pada pendapat cik apakah kemajuan pembangunan.**

EA: Di Jementah ? Memang baguslah bila kita tengok sebab saya masuk tahun 82 saya masuk taman ni banyak takda bnyak belukar pokok pokok getah semua ada takda sampai 10 taman. Sekrang dah banyak. Kilang yang ada macam hevasap uitm sini je pun dalam tahun dah buat dalam tahun 84, 82 dah start buat masa saya kat sini banjir pun ikut sana yang dekat segamat tu. Sebelum tu di segamat baru uitm. Jadi kawasan Jementah tu yang peluru askar buat peluru tu dah ada. Banyak la yang

terbaik dan orang jementah ni pun banyak diketengahkan macam pontong penghulu anak dia tu askar kan. Banyak orang Jementah yang pegang jawatan tinggi di Malaysia. Dari segi perumahan macam ginilah. Kalau kita tengok orang dulu duduk kampung sekrang dah duduk taman dah bnyak duduk rumah taman dan dulu orang bekerja luar tak balik dah kata orang jementah duduk johor tak nak balik. Tapi bila pembangunan jementah dah baik makin ramai orang nak duduk jementah jadi kita kena maintain [mengekalkan] la seperti durian.

**MA: Durian?**

EA: Durian lah limau bali kurnag sikit orang kita. Limau bali ni nak banti cina pasal sembahyang tapi takpelah habistu kita makan je. Pastu pusat pusat rekreatif itu, pastu pertenakan ikan ikan air tawar macam kelph ikan keli ke ikan yang terbaik la tu kurang. Lembu susu dah habis tak larat. Tebing tinggi adakan dulu lembu susu kampung banjir.

**MA: Tanah Banjir.**

EA: Tanah banjir dulu ada bela lembu susu tapi bila orang tua tua dah takde dah tak larat dan kambing. Kambing ni ada sisyem yang terbaik untuk bela kambing tapi kerajaan tak ajar. Kita kambing ni kurung la. Besar ni dia boleh bela lima ekor dapat anak umur setahun jual lah kecuali kalau nak buat korban akikah dua tahun bru kita asingkan tu kalau kambing. Klau lembu ke kerbau ke tak de tempat yang sesuai. Lagi macam bela landak kancil tu boleh bel kerajaan bagi la support. [sokongan]

**AE: Kenapa kerajaan kan bagi kerbau landak kambing tapi kenapa tak kambing.**

EA: Dulu tahun 86 saya kursus kita memperjuangkan orang kampung untuk ternak landak ni. Landak kancil ternak kalau boleh kijang rusa bela pasal apa kalau kita bela kita mesti sayang bila saya dia takkan nak bunuh nak musnahkan binatang tu kecuali orang lain yang nak makan boleh sembelih makin bnyak orang bela makin banyak kita boleh simpan tu tujuan. Tapi yang dulu rusa rusa luar la rusa sini dia garang sikit. Rusa lulus landak lulus macam kancil dia suruh bela jela tanpa lesen la bila nak komersial baru lesen la. tudah lulus. Macam rekreasi gunung ledang ni masa saya dalam

persatuan rekreasi malaysia kita mohon untuk jadikan taman negara tapi johor kata dia nak jadikan taman negara negeri johor takpelah senang sikit macam saya dulu pasal kita kena pantau sampah sarap tu.

**MA: Oh.**

EA: Jadi kawasan sana ada loji kawasan sini ada loji.

**MA: Faham.**

EA: Dekat 20 kali saya kena naik tu. Naik buang sampah sampah yang orang naik tu. Jadi kita tak larat sebab ini kawasan pelancongan kita bagithu orang suruh bawak sampah balik orang buat taktahu jadi kita mohon buat taman negara sama sama jaga itu tujuan taman negara. Cuma kita jawatankuasa penaja dulu ni tahu macam sini kawasan takda yang ada kawasan melaka ayer keruh salah satu daripada group[kumpulan] kita la. Tapi orang sini tak tahu orang luar ni sungai angkat saya yang kat Jeram. Saya ada surat takpe tapi orang kampung tak tahu dia rahiakan dia takbagi jadi nak masuk masuk lah. Kita kalau boleh orang Melayu kita ada disiplin kecuali bayarta je boleh lah yang lain tak lah. Kita suruh kutip samoah bawak balik dia kutip lepastu buang tengah jalan .

**MA: Betulah tu.**

EA: Mana sifat orang melayu tu taknak jaga kebersihan. Tapi kalau saya kata saya takbenarkan orang datang ke hulu boleh?

**AE: Tak boleh datang.**

EA: Kan. kita takbagi orang datang macam mana cara dia ada cara. Jalan tu saya panggil buat kalau takda jalan macam mana orang nak datang kan. Pertama kita boleh declare la kawasan tu ada kencing tikus.

**MA: Kencing tikus?**

EA: Penyakit Kencing tikus jadi tutuplah. Sampai la bersih padahal sungai kat hulu jementah ni salah satu air yang terbaik kat sini dia panggil air sedap. Air sedap atas tu kita naik ke Jeram tinggi atas bukit tu air kita tada lepastu kita minum air tu rasa sedap dia macam lemak sedap Kalau pagi ni kita belum sarapan ke apa bila minum perut kita jadi kenyang lepastu pukol 12 kang kitabaru masak magi untuk makan tu dipanggil air sedap punca lah. Saya pun baru 10 kali lalu baru tahu kenapa bila kita minum ni rasa kenyang. Takpelah pedulilakan. Tapi bila tu masak semua esok pulak datang gitu juga tapi bila kita dah makan kat atas bila minum tak rasa sedap macam tu lah. Tapi bila kita tak makan apa apa tada perut kosong masa tu baru sedap tu lebih sepuluh kali lalu baru kita tahu air tu sedap macam mana tak pergi takleh cakap tak rasa tak bolah cakap.

**AE: Sekarang pun masih sedap ke?**

EA: Emm sama masih sedap. Ada satu masatu satu group pelapol muar Bakri. Kata Inspektor tu pagi la petang ni lepas isyak kita tada lepastu minum lah dia tengok lepastu tanya ok ke air tu? Ok sedap dia diam la subuh pagi tu dekat pukul 7 dia tada habis sebotol ohh best dia kata tada lagi sedap masuk ketiga dia tepuk dahi. 'Kenapa?' Lepastu dia cakap dia puasa harini.

**MA/AE: (ketawa)**

EA: Dia kata dia puasa malam tak boleh minum nak sedap kena minum pagi. Tapi buat rasa dulu kang dia bangun pagi tada lepastu bagi dia minum.

**AE: Jeram air terjun?**

EA : Ha jeram air terjun jap saya cari gambar air terjun. Okey setakat ni ape yang anuh. [belum] (menanyakan soalan yang hendak dijawab)

**MA: Dah itu aja.**

EA: Dari segi pelancongan kita dah ada jadi kalau kita nak buat tulah tapak tapak rekreasi macamana nak aktif kan pembangunan di Jementah itu penting. Tapak pelancongan la penting sama ada. Kita ni kat segamat kawasan pelancongan makanan takda.

**MA: Betul.**

EA: Kawasan pelancongan 2, 3 tempat ada cantik la memang takda masalah.

**AE: Dia tak berkelompok.**

EA: Lagi apalagi.

**AE: Air terjun tu Jeram hilir ke yang sedap tu.**

EA: Jeram tinggi la jeram tinggi tu atas dia.

**AE: Ohh nak kena naik atas.**

**MA: Nak naik atas?**

EA: Dulu budak UITM dua tiga kali ada buat itu taman wawasan tu warisan tulah. Kem warisan dalam UITM tu kita urus dulu. Tak pelik la masa kita buat kursus dulu kat situ sesi berhantu sorang sorang kan. Hantar 40 orang balik 41.

**MA/AE: Hem. (berasa pelik dan seram)**

EA: Macammana nak buat check ahh sebut nama sata satu sampai 40 orang. Saya telefon kelab macam mana nak buat saya hantar balik ikot tempat dari orang pertama sampai 40 yang tadi taknak sebut nama pegi ke sana dia pegi je sana kita jangan panggil nama lagi lah, Lepastu tak delah kita buat lagi. Jeram tinggi saya dah bagi dah.

**MA: Belum.**

**PENUTUP SATU SESI**

MA: Dengan ini tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai sejarah pekan Jementah bersama Encik Abdul Aziz Bin Yusof . Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang sejarah para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

# **LOG TEMUDUGA**

## 6.0 LOG TEMDUGA

LOG	TOPIK	HURAIAN
0.01 -0.42	Pembukaan	Pembukaan sesi temubual
0.43 – 1.40	Latar belakang responden	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Abdul Aziz Bin Yusof.</li> <li>• Menetap di Jementah bermula tahun 1982.</li> <li>• Bertugas di jabatan kerja raya.</li> </ul>
1.41 – 8.26	Asal-usul pembukaan Pekan Jementah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jementah dibuka tahun 1640.</li> <li>• Jangka umur terjadinya Jementah diambil kira daripada gantang kayu yang sudah berusia 380 tahun.</li> <li>• Jementah dibuka oleh Tok Pawang Sentut.</li> <li>• Tok Sentut berasal dari Negeri Sembilan.</li> <li>• Tok Sentut menebas pokok-pokok dan keesokannya pokok tersebut berdiri tegak kembali.</li> <li>• Tok sentut bermimpi jika hendak membuka Jementah, dia perlu tukar ganti anaknya.</li> <li>• Selepas tukar ganti anak dia, pokok yang ditebang tidak berdiri tegak kembali.</li> </ul>
8.27 – 9.58	Versi asal usul nama sejarah jementah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ada juga nama Jementah berasal daripada ‘entah-entah jadi, entah-entah tidak’.</li> <li>• Ada juga nama Jementah berasal dari ‘masak nasi tapi lantah’ (nasi mentah). Disebabkan atas buah mulut orang ramai, terjadilah Jementah kerana nasi mentah yang sering dihidang Ketika kenduri di Jementah.</li> </ul>
9.59 – 11.42	Tokoh- tokoh pengrauh dalam perang Jementah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tengku Daud sebagai pembayar gaji atau elaun.</li> <li>• Tengku Qayyum.</li> </ul>

11.43 – 14.51	Sebab berlakunya perang Jementah bantuan daripada panglima daerah lain.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perang pertama disebabkan perang cukai keatas British.</li> <li>Dibantu oleh seluruh panglima termasuk Mat Kilau, Tok Bahaman, Tok janggut, Tok Gajah, Tok Pasak, Tok Lati, Tok Tenang, Raja Rambut Panjang.</li> </ul>
14.52 - 16.10	Keluasan sawah padi Jementah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Keluasan sawah padi Jementah bermula daripada Bukit Tunggal sehingga ke Jeram Tinggi.</li> </ul>
16.11 – 17.34	Panglima yang terlibat dalam perang Jementah.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Panglima Sencu iaitu ketua pemerintah angkatan di Jementah.</li> <li>Dato Bentara Dalam.</li> <li>Panglima Muda Salim.</li> <li>Panglima Hitam.</li> <li>Panglima Kanen.</li> <li>Panglima Layut.</li> <li>Panglima Imam Kahar.</li> </ul>
17.35 - 17.50	Asal-usul nama Tebing Tinggi.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bukit yang tinggi menyebabkan nama tempat itu Tebing Tinggi.</li> </ul>
17.51 – 18.34	Sambungan panglima yang terlibat dalam perang Jementah.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Panglima Imam Sabidi</li> </ul>
18.35 – 20.08	Pembinaan rumah pasong.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerana banyak kematian saudara terutamanya kematian Wak Gajong. Kerajaan Johor menarik diri terlebih dahulu.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan Johor membuatkan rumah pasong bagi mengeratkan silaturahim dengan rakyat Jementah.</li> </ul>
20.09 – 21.13	Perang Jementah yang kedua.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Panglima Sencu minta bantuan Sarjan Bujang Ali Beko tetapi ditangkap.</li> <li>• Angkatan Panglima Sencu menyerah diri.</li> <li>• Johor memberi pengampunan jika berkelakuan baik.</li> <li>• Panglima Sencu perlu mengajar ilmunya kepada Sultan Ibrahim.</li> </ul>
21.14 – 22.58	Sejarah ilmu Sultan Johor.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pijakan tapak kaki Sultan Ibrahim boleh menggegarkan jambatan keretapi.</li> <li>• Ilmu AWAKKANDA oleh Sultan Iskandar boleh menjinakkan binatang.</li> <li>• Sultan Iskandar mempunyai ilmu Kacang Kuda.</li> <li>• Ilmu tersebut diturunkan oleh Panglima Sencu.</li> </ul>
22.59 – 24.12	Rujukan tokoh perang Jementah sekarang.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penghulu Kahar.</li> <li>• Penghulu Mata.</li> <li>• Penghulu Meng.</li> <li>• Penghulu Kutum.</li> <li>• Penghulu Said.</li> </ul>
24.13 – 26.51	Kisah tokoh-tokoh yang menjadi penghulu.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penghulu Meng.</li> <li>• Penghulu Kutum.</li> <li>• Penghulu Said.</li> </ul>
26.52 – 27.56	Sekolah pertama di Jementah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembukaan Sekolah Batu 13 adalah.</li> <li>• Selepas pembukaan sekolah di Batu 13, barulah pembukaan sekolah di Pogoh.</li> </ul>
27.58- 28.16	Komplek pertanian	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Komplek pertanian wujud tahun 50-an.</li> <li>• Raja membuatkan Komplek Pertanian ekoran daripada perang Jementah untuk merapatkan hubungan dengan rakyat Jementah.</li> </ul>

28.17 – 31.13	Penempatan masjid dan rumah pasong yang terawal di Jementah.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masjid Lubuk Bandan.</li> <li>• Pemberian masjid oleh kerani di rumah batu (banglo) Bukit Tunggal.</li> <li>• Penduduk menaiki lori untuk sembahyang di Masjid Lubuk Bandan, tahun 40-an.</li> <li>• Selepas kerobohan masjid di Lubuk Bandan, masjid dibina di Paya Jakas..</li> <li>• Termasuklah rumah pasong di Tebing tinggi dipindah ke Paya Jakas.</li> <li>• Akhir sekali rumah pasong pindah di Bandar Jementah,</li> <li>• Bekas rumah pasong di Paya Jakas dijadikan Masjid pada tahun 82.</li> </ul>
31.13 – 32.39	Keadaan selepas peperangan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Orang yang terlibat lari supaya tidak ditangkap.</li> <li>• Keturunan Tengku Busu di Segamat mentadbir majlis daerah.</li> </ul>
32.40 – 34.09	Pembukaan Kawasan padi.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perusahaan sawah padi di Jementah kebanyakannya adalah orang Muar, Kesang, Tanjung Gading.</li> <li>• Padi enam bulan.</li> <li>• Padi humer.</li> <li>• Selepas tahun 60-an, ditukarkan kepada padi paya.</li> </ul>
34.10 – 37.50	Kiraan perang Jementah yang berlaku.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perang kutip cukai oleh British adalah perang pertama.</li> <li>• Perang saudara adalah perang kedua.</li> <li>• Perang kubu Dedap adalah perang ketiga.</li> </ul>
37.52 – 46.24	Keadaan pekan Jementah pada awalnya.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jementah dahulu adalah jalan perhubungan melalui sungai Jementah untuk ke tempat lain.</li> <li>• Laluan darat untuk membawa binatang.</li> <li>• Terdapat simpang sungai di Jeram.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>terdapat gua di bukit berlubang yang menghubungkan jalan ke Asahan melalui sungai.</li> <li>Kampung Sekulit, rumah Tok serbih dijadikan rumah persinggahan pengembara.</li> <li>Laluan sungai Muar.</li> </ul>
46.25 – 49.09	Asal-usul orang di Jementah.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kebanyakkan orang Jementah berasal dari orang dusun (Pahang), orang Negeri Sembilan, dan orang asli jakun (Melaka).</li> <li>Kampung Hulu Jementah penempatan asal orang melayu asli.</li> </ul>
49.10 – 49.56	Corak pentadbiran	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jementah hanya rumah persinggahan untuk orang membuat perdagangan.</li> </ul>
49.57 – 50.49	Aktiviti ekonomi orang dahulu.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berniaga kulit dan daging, buah-buhan, dan lain-lain.</li> <li>200 tahun dahulu Jementah telah ada banyak tanaman durian.</li> </ul>
50.50 – 53.52	Durian Jementah.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Durian Jementah adalah nombor 2 tersedap.</li> <li>Durian Segamat adalah nombor 1 tersedap.</li> <li>Jika makan satu ulas durian Segamat, maka durian dari tempat lain tidaklah rasa sedap.</li> <li>Durian isi hitam beasal dari Segamat.</li> <li>Durian Jementah salah satu durian yang baik dan tahan lama.</li> </ul>
53.53 – 55.33	Sambungan aktiviti ekonomi orang dahulu.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memasarkan tempoyak.</li> <li>Mengail ikan.</li> <li>Kerja kampung.</li> <li>Kerja estet.</li> <li>Kerja kilang.</li> </ul>
55.34 – 57.16	Cara kehidupan masyarakat di	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berdagang.</li> </ul>

	awal pembukaan Jementah.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Adat resam seperti kompang, berzanji, kompang dan silat.</li> <li>• Berzanji qasidah.</li> </ul>
57.17 -1.01.14	Persilatan Jementah.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ilmu persilatan yang terbaik dalam sejarah dunia adalah di Jementah iaitu Silat Kilau Senja.</li> <li>• Tidak mengajar silat tersebut.</li> <li>• Samurai terhebat dunia mengakui bahawa Silat Kilau Senja adalah silat yang tidak pernah dikalahkan oleh samurai.</li> <li>• Anak didik samurai terhebat dunia tewas akan kepada silat Kilau Senja.</li> <li>• Memberitahu nama Abdul Halim Bin Yunus, Batu 13, mahir dalam silat kilau senja masa kini, tahun 2023.</li> </ul>
1.01.15 – 1.03.15	Adat resam.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Silat olahraga Malaysia berkisahkan dari Jementah.</li> <li>• Perlembagaan Persatuan Gasing Malaysia dibuat oleh orang Jementah.</li> <li>• Tapak gasing di kampung gelugor pada awalnya.</li> <li>• Kompang</li> <li>• Peraturan pertandingan semua daripada orang Jementah.</li> </ul>
13.01.16 – 1.05.17	Peristiwa corak pentadbiran.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Krisi pembuatan lebuh raya Johor Bahru ke Selangor dihalang oleh Singapor tapi Penasihat Jementah dapat mengatasi Krisi pembinaan tersebut.</li> <li>• Idea pembinaan Putrajaya berasal dari idea Penasihat orang Jementah.</li> </ul>
1.05.08 – 1.06.18	Punca kematian Tok	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tok Sentut meninggal akibat Sakit tua.</li> <li>• Waris Tok Empang Bernama Mat Jadi di menetap di Bukit Tunggal.</li> </ul>

	Empang dan warisnya.	Harimau putih Tok Empang.
1.06.19 -1.08.06	Sejarah Kesang.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan Kesang digantikan dengan Tangkak.</li> <li>• Bawah kerajaan Sultan Melaka.</li> <li>• Terdapat istana Raja Ali yang telah roboh di dalam ladang sawit.</li> </ul>
1.08.07 - 1.11.04	Sejarah rumah penghulu lama.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembinaan rumah penghulu untuk merapatkan hubungan selepas perang saudara.</li> <li>• Wasiat Tengku Busu diserahkan kepada Sultan Ibrahim di rumah penghulu.</li> <li>• Rumah penghulu di tempat lain terbengkalai.</li> </ul>
1.11.05 – 1.13.46	Kegiatan komunis.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Komunis membunuh semua orang melayu di Bekok</li> <li>• Di kemidak 40 keluarga melayu semua dibunuh komunis.</li> <li>• Well estet diserang juga oleh komunis.</li> <li>• Segamat adalah paling terjejas di zaman komunis</li> <li>• Jepun bersikap baik dengan Sultan Johor dengan tujuan tersembunyi.</li> </ul>
1.13.47 – 1.14.55	Amalan kiysi salleh.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mentadbir setan dalam diri seseorang.</li> <li>• Subahat.</li> </ul>
1.14.56- 1.19.00	Peristiwa 13 mei orang melayu bersubahat dengan cina.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Serangan komunis di Nyalas, Asahan. Tok Imam bersubahat dengan komunis.</li> </ul>
1.19.01 – 1.21.58	Tokoh yang pernah menduduki rumah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penghulu Kahar tinggal di rumah penghulu lama. Beliau menetap disitu.</li> <li>• Penghulu Meng juga pernah tinggal disitu.</li> <li>• Penghulu Mata.</li> <li>• Penghulu Puntum.</li> </ul>

	penghulu lama.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penghulu Said adalah orang terakhir yang tinggal di rumah penghulu lama. Beliau la mendamai kan perhubungan antara orang melayu dan orang cina.</li> <li>Sekarang, rumah penghulu lama telah diambil alih oleh Komuniti Orang kurang Upaya dan dijadikan rumah sewa persinggahan.</li> </ul>
1.51.59 – 1.22.57	Balai polis lama dahulu.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Balai polis lama mempunyai terowong di bawah tanah untuk bersembunyi.</li> <li>Balai polis Jementah telah dibuat 3 kali.</li> <li>Balai polis atau rumah pasong dibina untuk mengukuhkan kedudukan dan pentadbiran.</li> </ul>
1.22.58 – 1.37.38	Kisah menarik yang masih tidak diketahui oleh orang ramai di Jementah.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jementah kaya dengan pelbagai buah akan tetapi sudah pun pupus.</li> <li>Sebelum tahun 60-an. Isteri Penghulu Said pergi ke Jeram Tinggi dan terjumpa bunga mawar emas akan tetapi tidak boleh dipetiknya. Terjadilah nama air terjun mawar emas.</li> <li>Terdapat satu lagi air terjun dinamakan air terjun vanilla kerana terdapat banyak orkid vanilla di Kawasan tersebut.</li> <li>Terdapat banyak orkid yang unik tidak diketahui oleh ramai orang di Jeram.</li> <li>Kedudukan orkid ini disembunyikan supaya tidak diambil oleh masyarakat.</li> <li>Pusat pentadbiran komunis di Jeram.</li> <li>Harta karun Jepun yang masih ada di Jementah melalui laluan bawah sungai.</li> <li>Harta karun British.</li> <li>Pada tahun 1932, terdapat satu Kawasan di Gunung Ledang yang tidak boleh bermalam kerana manusia akan menjadi batu jika bermalam di tempat tersebut.</li> </ul>

1.37.39 – 1.46.47	Ilmu-ilmu yang diamalkan pada zaman dahulu.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Amalan tarekat yang bersuluk mempunyai wirid-wirid tertentu.</li> <li>• Amalan kiyai salleh mempunyai 4 tahap.</li> <li>• Amalan asyariah dan mutadariah.</li> <li>• Amalan Nasrulhab.</li> </ul>
1.46.48 – 1.54.36	Pembangunan dan kemajuan Jementah.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemajuan Taman perumahan dan kilang-kilang.</li> <li>• Orang Jementah banyak diketengahkan.</li> <li>• Banyak orang Jementah memegang jawatan tertinggi dalam Malaysia.</li> <li>• Ramai orang yang duduk Jementah salah satunya diesebabkan buah durian dan pusat rekreasi.</li> <li>• Pernakan ikan air tawar.</li> <li>• Pembelaan binatang seperti kambing, lembu, landak dan kancil.</li> <li>• Pada tahun 86, orang kampung berjuang untuk menternak landak, kancil, kijang atau rusa.</li> <li>• Memohon tapak rekreasi Gunung Ledang menjadi Taman Negara Negeri Johor.</li> </ul>
1.54.37 – 1.57.55	Sungai Ulu Jementah.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sungai Ulu Jementah salah satu air terbaik.</li> <li>• sungai sedap dan boleh membuat kita kenyang apabila diminum.</li> </ul>
1.57.56 – 1.58.56	Kekurangan di Segamat.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Segamat tiada lokasi makanan-makanan pelancongan.</li> <li>• </li> </ul>
1.58.57 – 2.00.20	Peristiwa seram Kem Warisan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melaksanakan khusus sesi burung hantu di UiTM dimana peserta yang dihantar seramai 40 orang. Namun. Peserta yang keluar seramai 41 orang.</li> <li>• Setelah peristiwa seram tersebut. Khusus Kem Warisan tidak dijalankan lagi.</li> </ul>

2.00.20 - 2.00.52	Penutup	• Penutupan sesi temubual.
-------------------	---------	----------------------------

# **INDEKS**

## 7.0 INDEKS

### A

air, 25, 27, 33, 47, 48, 49, 50, 68, 72, 76, 79, 80, 81, 92, 93  
**Air terjun**, 48, 82  
Asahan, 48, 60, 61, 89, 91

### B

bandar, 20, 42, 106, 109  
Bandar, 88  
bandar Jementah, 42  
British, 32, 46, 60, 86, 88, 92  
buah, 20, 30, 37, 50, 51, 67, 68, 85, 89, 92, 93  
bukit tunggal, 49, 52

### C

Cermon, 27  
Cina, 44, 60, 77  
cukai, 31, 32, 45, 46, 86, 88

### D

daerah, 20, 25, 59, 60, 86, 88  
dari, 15, 21, 23, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 54, 66, 67, 77, 82, 85, 89, 90, 106, 107  
dunia, 20, 21, 52, 53, 54, 76, 90  
Durian, 51, 67, 79, 89, 101

### E

emas, 34, 68, 92

### F

**faham**, 28, 37, 41, 69, 71

### G

gua, 48, 75, 89  
Gunung, 25, 49, 60, 71, 75, 92, 93  
gunung besar, 47, 49  
gunung ledang, 47, 79

### H

**hantar**, 31, 39, 67, 69, 82  
Hulu, 5, 33, 36, 49, 68, 75, 89

## I

ilmu, 17, 20, 37, 38, 52, 53, 74, 83, 87, 93  
islam, 21, 49, 61, 63

## J

jadi, 6, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 32, 34, 36, 38, 39, 40, 42, 44, 45, 46, 47, 48, 49, 52, 54, 56, 57, 58, 60, 61, 62, 65, 66, 67, 68, 69, 71, 72, 74, 75, 76, 77, 78, 80, 81, 85  
jawatan, 25, 78, 93  
jawatankuasa, 80  
Jementah, 5, 14, 17, 18, 21, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, 44, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 54, 55, 56, 58, 60, 66, 67, 68, 72, 75, 78, 81, 83, 85, 86, 87, 88, 89, 90, 92, 93, 106, 108, 109, 110, 111, 114, 116, 117  
jepun, 60  
**Jeram**, 5, 33, 47, 67, 68, 69, 70, 71, 72, 80, 81, 82, 88, 92  
jin, 74  
Johor, 11, 12, 14, 31, 32, 36, 37, 54, 57, 58, 60, 86, 87, 90, 91, 93

## K

kampung, 26, 27, 29, 39, 41, 44, 47, 48, 50, 51, 53, 59, 60, 61, 78, 79, 80, 89, 90, 93, 107, 109  
karun, 72, 92  
keluarga, 28, 39, 44, 45, 46, 52, 53, 60, 64, 91  
ketua, 86  
keturunan, 28, 34, 36, 39, 44, 49, 56, 57  
kijang, 79, 93

## L

lari, 37, 44, 45, 65, 88  
lubang, 48, 65, 66, 73

## M

Malaysia, 22, 38, 53, 60, 67, 69, 71, 78, 90, 93  
masjid, 41, 42, 58, 66, 76, 88  
Masjid, 41, 42, 43, 88  
Melaka, 47, 49, 50, 57, 61, 89, 91  
meninggal, 44, 52, 64, 65, 90  
Muar, 27, 32, 36, 44, 45, 46, 48, 49, 52, 57, 67, 69, 88, 89

## N

Negeri Sembilan, 26, 32, 34, 44, 45, 85, 89

## O

orang, 5, 17, 26, 27, 28, 30, 31, 32, 33, 36, 38, 39, 40, 41, 42, 44, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 51, 52, 53, 54, 56, 57, 58, 59, 60, 61, 62, 63, 64, 65, 66, 67, 69, 70, 71, 72, 74, 75, 76, 77, 78, 79, 80, 82, 85, 88, 89, 90, 91, 92, 93, 106, 107, 108, 109  
Orang Jementah, 32  
orang Melayu, 60, 80  
orkid, 5, 15, 53, 68, 69, 71, 72, 92  
Orkid, 68, 70, 117

## P

Pahang, 32, 46, 48, 89  
panglima, 32, 34, 35, 37, 38, 47, 48, 86  
pekan, 5, 25, 31, 47, 49, 60, 83, 88, 106, 107, 109, 110  
pembukaan, 5, 17, 21, 25, 47, 52, 85, 87, 89, 106, 107, 111  
Penghulu, 34, 35, 36, 38, 39, 41, 54, 55, 57, 63, 64, 65, 67, 87, 91, 92, 108, 115  
perang, 5, 20, 28, 31, 32, 36, 37, 44, 45, 46, 47, 48, 58, 60, 66, 85, 86, 87, 88, 91, 106, 108  
peristwa, 20  
pokok, 27, 33, 46, 51, 69, 70, 72, 78, 85  
pondok, 26

## R

rumah, 5, 26, 27, 28, 35, 36, 38, 39, 41, 42, 48, 49, 50, 58, 59, 63, 64, 65, 66, 76, 78, 86, 87, 88, 89, 91, 92, 106, 108  
rumah pasong, 5, 35, 36, 41, 42, 66, 86, 87, 88, 92

## S

Sarjan, 34, 35, 36, 87  
saudara, 31, 32, 44, 46, 57, 86, 88, 91, 106, 108  
Segamat, 11, 12, 20, 25, 27, 32, 36, 40, 44, 45, 46, 48, 50, 51, 60, 88, 89, 91, 93, 101  
sejarah, 5, 15, 17, 18, 20, 21, 22, 25, 37, 52, 55, 57, 83, 85, 90, 101, 110, 111, 112  
Sejarah, 3, 6, 17, 20, 22, 87, 91, 101, 106, 108  
Silat, 52, 90  
silat kilau senja, 53, 90  
subahat, 61  
Sultan, 37, 38, 46, 57, 58, 60, 87, 91  
sungai, 27, 28, 47, 48, 49, 50, 57, 69, 70, 74, 80, 88, 89, 92, 93  
Sungai Muar, 28  
sungai segmat, 47

## T

Tangkak, 27, 57, 60, 91  
tebing tinggi, 52  
Tengku, 31, 34, 35, 44, 58, 85, 88, 91  
tinggal, 14, 18, 29, 51, 55, 69, 77, 91, 92  
**Tok Empang**, 27, 28, 33, 55, 90, 91, 108  
Tok Setot, 26, 27, 28

## **Z**

zaman, 17, 20, 21, 22, 40, 47, 50, 54, 59, 60, 91, 93, 107

# **RUJUKAN**

## **8.0 Rujukan**

Mohamad Norzaharuddin Kasimon. (2017) Durian Segamat. *Komuniti Segamat*.

<https://segamat.com.my/tag/durian-segamat/>

Siti Roudhah Mohamad Saad. (2012, October 16). Penukilan Ilmu Baharu melalui sejarah Lisan. Radia Banu Jan Mohamad, Cik Ramlah Che Jaafar dan Noor Azlinda Wan Jan.

Regional Conference on Local Knowledge. (6)

[https://www.researchgate.net/publication/263619343\\_PENUKILAN\\_ILMU\\_BAHARU\\_MELALUI\\_SEJARAH\\_LISAN](https://www.researchgate.net/publication/263619343_PENUKILAN_ILMU_BAHARU_MELALUI_SEJARAH_LISAN)

Rahmi Nur Fitri. (n.d.). HAMKA SEBAGAI SEJARAWAN: KAJIAN METODOLOGI SEJARAH TERHADAP KARYA HAMKA. *Jurnal Fuaduna: Jurnal Kajian Keagamaan Dan Kemasyarakatan*. <https://ejournal.iainbukittinggi.ac.id/index.php/fuaduna/index>

Zuhdi, M. H. (2017). Istiqomah Dan Konsep Diri seorang muslim. RELIGIA, 14(1).

<https://doi.org/10.28918/religia.v14i1.36>

Ramli, M. A. et al. Penyebaran Maklumat Palsu Berkaitan Produk Halal Dan Implikasinya Terhadap Industri Halal. Diakses 23 Mei 2023. <https://eprints.um.edu.my/14517/1/0001.pdf>

Osman, F. S. (2016). Sejarah Lisan. [www.academia.edu](http://www.academia.edu/26533486/sejarah_lisan).

[https://www.academia.edu/26533486/sejarah\\_lisan](https://www.academia.edu/26533486/sejarah_lisan)

Pusat Kajian Sejarah Lisan UKM. (2007).

<http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/kepentingansejarahlisan.html>

# **LAMPIRAN**

## 9.0 LAMPIRAN

### 9.1 Surat, Mesej Relevan Bersama Responden

www.johor.uitm.edu.my	
Bidang Pengurusan Maklumat <i>Study of Information Management</i>	Universiti Teknologi MARA Johor Km 12, Jalan Muar 85009 Segamat Johor Darul Ta'zim Tel: 07-9352302 Fax: 07-9352450
 UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA	
Rujukan : 100UITMJ(HEA/FPM.9/10/7) Tarikh : 9 MEI 2023	

**ENCIK ABD AZIZ BIN YUSOF**

Pengkisah Sejarah Tempatan

#### MEMOHON KEBENARAN UNTUK MELAKSANAKAN PENYELIDIKAN AKADEMIK – SEJARAH LISAN

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan pelajar berikut dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UITM Cawangan Johor berbesar hati untuk menemubual pihak tuan/puan bagi melengkapkan kerja kursus penyelidikan akademik Sejarah Lisan yang bertemakan '**Segar Amat Bumi Bertuah**'
3. Tugasan ini adalah diwajibkan bagi memenuhi keperluan kursus "**Oral History Documentation**" (IMR604).
4. Senarai nama pelajar yang terlibat adalah seperti berikut:-

NAMA PELAJAR	NOMBOR PELAJAR
ALIA EDWIENA BT ROSMAN	2022991147
MUHAMMAD AZUDIN BIN ZAINURIN	2022779815

5. Untuk makluman pihak tuan/puan, objektif kerja kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar berkenaan kaedah dan teknik pelaksanaan sejarah lisan di samping mengumpulkan **kisah-kisah dan maklumat sejarah tempatan** untuk rujukan di masa akan datang. Temubual ini tidak akan melibatkan sebarang bentuk ganjaran daripada pihak kami. Mohon juga pihak tuan/puan supaya menandatangani **PERJANJIAN PROJEK SEJARAH LISAN** seperti yang dilampirkan.


6. Kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh pihak tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, Terima Kasih.

Yang benar,



AZURA ABDUL JAMIL @ KAMARUDZZAMAN  
Pensyarah Kanan  
b.p Ketua Pusat Pengajian Bidang Pengurusan Maklumat  
Kolej Pengkomputeran, Informatik & Media



Rajah 2 Mesej bersama Responden

## 9.2 Borang Perjanjian



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

### PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya ..... En. Aziz Bin Yusof ..... K/P: 590807-01-5557 pada ..... dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:-
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

.....  
T

(Nama tokoh En. Aziz Bin Yusof)  
Tarikh: 10/6/2023

.....  
Az

(Nama pensyarah Azura Binti Abdul )  
b.p.Dekan Jamil@ kamarudzamam  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA

### **9.3 Soalan Temu Bual**

#### **Soalan Temu Bual**

##### Soalan Sejarah Pekan Jementah.

1. Asal usul pembukaan jementah.

- Bila mukim jementah dibuka?
- Siapa yang merasmikan jementah ini asalnya?

2. Kisah disebalik nama jementah.

- Adakah kisah-kisah silam yang membuatkan nama tempat ini dinamakan jementah?
- Asal usul nama jementah berasal dari pada mana?
- Siapa yang bagi nama jementah ini. Biodata orang yang bagi nama jementah ini?

3. Tokoh-tokoh perintis/ orang yang berpengaruh (yang terlibat di perang saudara / yg berpengaruh memimpin jementah).

- Siapakah tokoh-tokoh yang dijadikan rujukan sehingga kini?
- Apa sumbangan beliau dan pengorbanan beliau dijadikan sebagai tokoh?

4. Keadaan suasana di awal pembukaan.

- Bagaiman keadaan tempat pekan jementah ini pada awalnya?
- Bagaimana keadaan jalan, rumah-rumah, bagunan, kelihatan seperti hutan atau bandar ketika itu?
- Macam mana kehidupan encik pada ketika itu?

5. Corak pentadbiran.

- Apakah bentuk pentadbiran yang diwujudkan dahulu?
- Cara pemerintahan pemimpin dahulu?
- Pada pendapat encik. Apakah perbezaan pentadbiran orang dahulu dibandingkan dengan pentadbiran pada masa sekarang ini?. Adakah pentadbiran dahulu lebih baik dari sekarang atau tidak?

6. Apakah aktiviti-aktiviti ekonomi masyarakat di awal pembukaan.

- Pekerjaan yang paling popular pada Ketika itu?. Pekerjaan dulu tidak meluas seperti sekarang. Jadi, Nak tahu juga kebanyakkan orang dulu2 kerja apa pada awal pembukaan?
- Boleh encik kongsi kan apakah pekerjaan orang yang berada di pekan dan pekerjaan orang di kampung?
- Selain pekerjaan yang diceritakan oleh encik, ada tak pekerjaan lain pada ketika itu?

7. Aktiviti social / gaya hidup masyarakat di awal pembukaan.

- Bagaiman cara kehidupan rakyat ketika itu.
- Bagaimana perpaduan kaum pada ketika itu?
- Budaya dan adat resam pada ketika itu bagaimana?
- Kita mengetahui bahawa penduduk jemantah dari awal pembukaan kebanyakannya terdiri daripada kaum Melayu. Jadi pada pendapat encik, bagaimana perpaduan hidup pada masa kini dibandingkan dengan zaman dahulu? Adakah perpaduan sekarang ini lebih baik dari dulu atau sebaliknya?

8. Perang Jementah.

- Boleh encik cerita akan peristiwa awal perang saudara sehingga akhir?
- Apakah punca tercetusnya peperangan itu?
- Siapakah yang terlibat dalam peperangan itu?
- Adakah ke tidak kesan kepada orang awam setelah peperangan tercetus?

9. Kisah Makam Tok Empang.

- Boleh encik ceritakan serba sikit tentang kisah Makam Tok Empang?
- Apakah peristiwa menarik dariada Kisah ini Tok Empang?
- Adakah makam tersebut masih wujud dan dipelihara?
- Apakah punca kematian Tok Empang?

10. Sejarah Rumah Penghulu Lama.

- Boleh encik ceritakan serba sedikit tentang rumah Penghulu lama?
- Berapa lama tempoh pembinaan rumah tersebut?
- Siapakah tuan rumah penghulu lama tersebut?
- Apakah ia di bina di situ?
- Berapa keluasan Rumah dan rumah tersebut diperbuat darioada apa asalnya ?
- Adakah waris masih menetap di rumah tersebut?

11. Kisah menarik lain tentang lokaliti.

- Boleh encik ceritakan kisah menarik yang masih tidak diketahui orang ramai tentang kampung atau bandar?
- Adakah kisah ini diketahui ramai?

12. Pembangunan dan kemajuan semasa.

- Apakah pendapat Encik tentang kemajuan dan pembangunan pekan Jementah?
- Adakah ia seiring dengan pekan yang lain?
- Pada pandangan encik, adakah kemajuan semasa pekan berkembang dengan memuaskan atau masih tidak maju sepenuhnya?

#### 9.4 Diari Penyelidikan

TARIKH	MASA/LOKASI	TINDAKAN
29 April 2023	1000 – 1200 SL120	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pensyarah menerangkan tentang tugas kajian lisan.</li> <li>Pensyarah membincangkan tentang pembahagian kumpulan sama sama berpasangan atau berkumpulan.</li> <li>Pensyarah memberi panduan penghasilan tanskrip dan gambaran akan pelaksanaan kajian sejarah lisan.</li> </ul>
6 Mei 2023	1000 – 1200 SL120	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perbincangan tema bagi kajian bersama pensyarah.</li> <li>Terdapat 3 tema yang dibincangkan iaitu sejarah, atlet, dan politik.</li> <li>Pemberian tema akan diberitahu pada perjumpaan berikutnya.</li> </ul>
11 Mei 2023	1000 – 1200 SL120	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ketetapan pasangan telah dipersetujui.</li> <li>Pemberian tema juga telah dipersetujui iaitu tema sejarah lisan.</li> <li>Memberitahu pensyarah nama pasangan masing-masing di google drive.</li> </ul>
18 Mei 2023	1000 – 1200 SL120	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemberian tajuk kepada setiap pengkaji.</li> <li>Pensyarah menerangkan persediaan awal sebelum temu duga kali pertama bersama responden.</li> <li>Kami mendapat Encik Abdul Aziz sebagai responden kami.</li> <li>Tajuk kami adalah sejarah pekan Jementah.</li> </ul>
4 Mei 2023 Week 6	0900 – 0930 Whatsapp	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kami menghubungi Encik Aziz bagi memberitahu beliau akan kajian kami.</li> <li>Kami berkenalan bersama encik Aziz.</li> <li>Kami meminta kebenaran untuk melakukan perjumpaan kali pertama.</li> </ul>
11 Mei 2023	1300 – 1330 Whatsapp	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mendapat persetujuan untuk temuduga kali pertama.</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tarikh untuk perjumpaan kali pertama telah dipilih.</li> </ul>
12 Mei 2023	1700 – 1900  Rumah Encik Aziz	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perjumpaan kali pertama bersama Encik Aziz.</li> <li>• Berkenalan lebih rapat bersama beliau.</li> <li>• Menerangkan akan tujuan dan kajian kami.</li> <li>• Encik Aziz menceritakan serba sedikit akan pengetahuannya terhadap sejarah pembukaan Jementah.</li> <li>• Mengambil gambar akan barang bersejarah yang disimpan oleh beliau di rumahnya untuk dijadikan sebagai rujukan.</li> </ul>
19 Mei 2023	1000 – 1200  SL120	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberitahu pensyarah akan kemajuan kajian kami.</li> <li>• Berkongsi bersama pengkaji yang lain akan pengalaman bersama responden kami.</li> <li>• Pensyarah memberi panduan bagi langkah awal untuk temuduga kali kedua.</li> </ul>
23 Mei 2023	1200 – 1800  Perpustakaan Tun Dr. Ismail	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat laporan sebagai langkah awal sebelum temuduga kali kedua.</li> <li>• Membina soalan untuk ditanyakan kepada responden.</li> </ul>
28 Mei 2023	1200 – 1700  Perpustakaan Tun Dr. Ismail	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Laporan persediaan awal telah disiapkan.</li> <li>• Set soalan untuk responden telah disiapkan.</li> <li>• Menyedia dan Mencatat barang-barang, borang persetujuan serta surat sebelum perjumpaan kali kedua.</li> <li>• Membeli barang sebagai sagu hati untuk Encik Aziz.</li> </ul>
29 Mei 2023	1200 – 1230  Perpustakaan Tun Dr. Ismail	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberitahu Encik Aziz akan gambaran bagi perjumpaan kali kedua.</li> <li>• Membincangkan tarikh untuk perjumpaan kali kedua.</li> <li>• Memberikan set soalan kepada Encik Aziz sebagai persediaan kepada beliau.</li> </ul>

1 Jun 2023	1400 – 1430  Perpustakaan Tun Dr. Ismail	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menghantar laporan awal serta set soalan di U-future bagi menunjukkan kemajuan kajian kepada pensyarah.</li> </ul>
10 Jun 2023	1500 – 1800  Rumah Encik Aziz	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perjumpaan kali kedua bersama Encik Aziz.</li> <li>Merancang dan menerangkan aliran temubual yang akan dijalankan.</li> <li>Memulakan rakaman suara bersama Encik Aziz selama 2 jam 1 minit.</li> <li>Menamatkan sesi temubual kali kedua bersama Encik Aziz</li> <li>Memberi sugu hati sebagai penghargaan beliau kerana sudi membantu kami dalam menyiapkan kajian sejarah lisan</li> </ul>
16 Jun 2023	0900 – 1200  SL120	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberitahu pensyarah akan kemajuan kajian kami di dalam kelas.</li> <li>Pensyarah melihat kemajuan dan pemasalahan pengkaji lain.</li> <li>Pensyarah menerangkan cara penyediaan tanskrip.</li> <li>Pensyarah menerangkan cara penyediaan rakaman CD.</li> <li>Pensyarah memberikan ketetapan tarikh bagi menyelesaikan tanskrip.</li> </ul>
25 Jun 2023	1300 – 1700  Tempat kediaman memasing	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membuat tanskrip berdasarkan rakaman suara.</li> <li>Membahagikan kerja kami kepada bahagian masing-masing.</li> </ul>
30 Jun 2023	1200 – 1700  Perpustakaan Tun Dr. Ismail	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan laporan tanskrip dan penulisan artikel bersama-sama</li> </ul>
15 Julai 2023	1500 -2200  Tempat kediaman memasing	<ul style="list-style-type: none"> <li>Laporan tanskrip telah lengkap</li> </ul>

17 Julai 2023	1000 – 1200  Cyber Cafe  Zamrud	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menukar rakaman audio ke dalam CD dan mencetakkan CD dan bekas CD.</li> </ul>
18 Julai 2023	1000 – 1200  Perpustakaan  Tun Dr. Ismail	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjilidkan laporan tanskrip</li> </ul>
20 Julai 2023	1200 – 1230  U-future	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghantar laporan tanskrip</li> </ul>


## 9.5 Foto dan Sumber Rujukan



Rajah 3 Senjata yang digunakan ketika Perang Saudara, Jementah



Rajah 4 Gantang untuk menyukat padi



Rajah 5 Air Terjun Mawar Emas



Rajah 6 Perkongsian oleh Encik Aziz semasa temu duga



Rajah 7 Rumah Penghulu Lama



Rajah 8 Kubu Tok Iela, Parit panjang terus ke Sungai Jementah

Akhbar Sinar Harian 25/12/2018 (Selasa)

20

**SENTRAL**

Kru YWJ di satu tempat bersejarah lalu di Kampung Kubu Dedap, Jementah.

**Dokumentasi sejarah mulanya Jementah**

JOHOR BAHRU - Yayasan Warisan Johor (YWI) melaksanakan Program Jejak Warisan Budaya (JWB) yang mengkaji sejarah, ekonomi dan pelajaran sejarah di kawasan Sungai Jementah.

Program yang dianjurkan Urut Sejarah & Persefikilan, Bahagian Persatuan Sejarah itu dilakukan Pusatlong Pengisyraya, Muhammat Muhammad Qaim berkata, seramai empat kahdinggap dan tiga jurugambar mengambil bahagian dalam program tersebut.

Memerluriya, menjadi hasil pihaknya agar penggambaran dilakukan menjadi bahan rujukan bagi para penulis sejarah, sajuran, pelajar PhD, pengkaji dari luar.

Syukur program tersebut telah berjalan dengan lancar tanpa sebarang halangan dan selamat semuanya daripada awal hingga akhir.

"Penggambaran program Jejak Warisan


Budaya di Jementah ini akan disimpan oleh pihak YWI di Pusat Dokumentasi Johor untuk dijadikan bahan rujukan dan tidak akan difokus di masyarakat atau televisyen," katanya.

Muhammad Izzani berkata, program yang berlangsung kepada "Team Sejarah Jementah" kerana sudi membantu mengumpul segala maklumat serta pencarian informasi bagi menjalankan program tersebut.

Antara destinasi yang dilalui kajian adalah Makam Tok Umpang di Kampung Bukit Tunggal; Rumah Pasong di Kampung Tebing Tinggi; Rumah Muzium Pit di Kampung Sungai Batu 11; Kubu Dedap di Kampung Kubu Dedap; Mini Muzium Pit di Kampung Paya Jelutong; Kampung Baru; Pusat Pertanian Jementah; Jeram Tinggi di Kampung Olu Jementah serta Rumah Penghulu Lama Jementah.

28

Rajah 9 Keratan Akbar



Rajah 10 Kepelbagaiannya jenis Orkid yang tersembunyi di Jementah



Figure 11 Sesi Bergambar Bersama Responden setelah selesai sesi temu bual